



PEMBINAAN MODUL SEKSUALITI PEKASa BERASASKAN LATIHAN MEMPERTAHANKAN DIRI BAGI KANAK-KANAK PRASEKOLAH



ZARINA BINTI ESHAK

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



**PEMBINAAN MODUL SEKSUALITI PEKASa BERASASKAN LATIHAN
MEMPERTAHANKAN DIRI BAGI KANAK-KANAK PRASEKOLAH**

ZARINA BINTI ESHAK

**TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DORTOR FALSAFAH**

**PUSAT PENYELIDIKAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK NEGARA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021

UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اوپنورسیتی قندیدین سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 6 (hari bulan) April (bulan) 2021

i. Perakuan pelajar:

Saya, **ZARINA BINTI ESHAK, P20172002388, PUSAT PENYELIDIKAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK NEGARA** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **PEMBINAAN MODUL SEKSUALITI PEKASA BERASASKAN LATIHAN MEMPERTAHANKAN DIRI BAGI KANAK-KANAK PRASEKOLAH** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DR. AZIZAH BINTI ZAIN** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PEMBINAAN MODUL SEKSUALITI PEKASA BERASASKAN LATIHAN MEMPERTAHANKAN DIRI BAGI KANAK-KANAK PRASEKOLAH** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)**.

Tarikh :

Tandatangan Penyelia



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اِئِمَّةُ اَلْمَدِيْنَةِ اَلْمَدِيْنَةِ اَلْمَدِيْنَةِ

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

UPSI/IPS-3/BO 31

Pind.: 01 m/s:1/1

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title:

PEMBINAAN MODUL SEKSUALITI PEKASa BERASASKAN LATIHAN
MEMPERTAHANKAN DIRI BAGI KANAK-KANAK PRASEKOLAH

No. Matrik / Matric's No.:

P20172002388

Saya / I :

ZARINA BINTI ESHAK

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: _____

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih serta selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana akhirnya tesis ini berjaya disiapkan. Syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T kerana memberikan saya kesihatan yang baik, masa yang berkat dan fikiran yang matang dalam menyempurnakan kajian ini sehingga ke penghujungnya. Oleh itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr Azizah Bte Zain selaku penyelia utama yang juga merupakan mentor saya yang paling hebat dalam hidup saya. Terima kasih di atas bimbingan dan panduan yang diberikan sehingga penulisan tesis ini berjaya disempunakan. Begitu juga kepada Prof Dr Mazlina Bte Che Mustafa yang merupakan penyelia kedua saya yang turut menyokong dalam kajian dan penulisan ini. Tidak lupa juga ucapan penghargaan saya kepada Profesor Dr Saedah Siraj dan Prof Dr Abdul Halim Masnan sebagai penyemak dalaman semasa pembentangan proposal serta dapatan kajian saya. Segala nasihat, saranan dan cadangan amat dihargai dalam memantapkan penghasilan kajian ini.

Ribuan terima kasih juga kepada pakar-pakar penilai dari Kementerian Pendidikan Malaysia, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Persatuan Seni Silat Cekak Hanafi, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) serta *Protect And Save The Children Association* (PSTHEC org.) yang sangat memberi kerjasama dalam kajian ini. Terima kasih juga kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah memberi peluang kepada saya untuk melaksanakan kajian ini secara separuh masa. Rakaman penghargaan ini juga ditujukan kepada semua kakitangan Sekolah Kebangsaan Sri Suria 1, Tanah Merah Kelantan yang secara tidak langsung terlibat dalam kajian ini. Akhir sekali, sekalung budi buat rakan-rakan seperjuangan yang berkongsi suka dan duka bersama-sama iaitu Jamilah binti Basir, Norshimar Akmar bte Hashim dan Noazima bte Wahab yang luhur membantu menjayakan kajian dan penulisan tesis ini sehingga ke penghujung.

Al-Fatihah buat ayahanda tercinta yang merupakan pendokong utama saya selama ini iaitu Al-marhum Tn Hj Eshak bin Jaafar, terima kasih abah, walaupun abah telah tiada namun semangat juang abah untukku memburu impian tetap bersemadi di sanubariku. Jutaan terima kasih kepada insan yang melahirkan saya, rasanya tidak mungkin dapat dibalas segala jasanya iaitu ibunda tercinta Hajah Holijah binti Seliman, serta adik-beradikku, Zuraidah bte Eshak, Zulkifli bin Eshak, Zubaidah bte Eshak, Zulkarnain bin Eshak, serta Zainuddin bin Eshak yang telah banyak menitipkan doa dan harapan kepada saya serta memberi pertolongan terakhir di saat-saat saya memerlukan. Begitu juga kepada ibu dan bapa mertua saya Haji Mustaffa@stapa bin Hamat dan Hajah Rahimah bte Ibrahim di atas doa dan pemahaman mereka terhadap kesibukkan menantumu yang bermusafir mencari ilmu di bumiMu Ya Allah. Berikan kesihatan yang baik kepada mereka. Aamin.





Penghargaan kasih setulus hati juga buat suami tercinta Hasnan bin Mustaffa dan anak-anak yang dikasihi, Muhammad Izzat Hafifi bin Hasnan, Muhammad Danish bin Mohamed Azhar, Nur Hasya Irdina bte Hasnan, Nur Hanim Ilyana binti Hasnan serta anak bongsuku Muhammad Haris bin Hasnan di atas pengorbanan masa dan sentiasa menjadi sumber kekuatan dalam setiap apa yang saya lakukan. Perjuangan ibumu ini akan kamu semua teruskan dalam kehidupan kamu di masa hadapan. Jadikan kejayaan ibu sebagai titik tolak kepada kejayaan kamu semua. Semoga kita semua berbahagia hingga ke Jannah, Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Zarina bte Eshak





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membina Modul Seksualiti PEKASa (Pendidikan Kesihatan Asas Seksualiti) berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah dalam usaha meningkatkan pengetahuan pendidikan seksualiti dan dapat menjaga keselamatan diri kanak-kanak prasekolah. Penyelidikan ini menggunakan kajian Rekabentuk dan Pembangunan (*Design & Development Research* - DDR). Kajian ini dilaksanakan dalam tiga fasa, iaitu Fasa I, II dan III. Fasa I kajian melibatkan fasa analisis keperluan yang menggunakan kaedah tinjauan dengan jumlah sampel adalah seramai 126 orang yang terdiri daripada guru-guru dan ibu bapa kanak-kanak prasekolah. Manakala Fasa II iaitu fasa reka bentuk dan pembangunan modul yang dilaksanakan untuk mengenalpasti komponen utama dan elemen-elemen pendidikan seksualiti yang berasaskan latihan mempertahankan diri dengan jumlah sampel seramai 17 orang pakar daripada bidang berkaitan kajian. Seterusnya Fasa III merupakan Fasa Penilaian Kebolehgunaan untuk melihat kebolehgunaan modul yang dibina dengan jumlah sampel 30 orang terdiri daripada ibu bapa, guru-guru prasekolah dan lapan orang pakar. Dapatan daripada analisis keperluan menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk membina modul pendidikan seksualiti berasaskan Latihan Mempertahankan Diri. Manakala fasa II melalui analisis Teknik Fuzzy Delphi, lima komponen modul dan 30 elemen terhasil dalam modul ini kerana mempunyai nilai threshold ($d \leq 0.2$, kesepakatan pakar $\geq 75\%$ dan nilai α -cut = 0.5. Bagi fasa III pula melalui teknik Kumpulan Nominal ubahsuai (modified NGT) telah menunjukkan kesepakatan pakar iaitu melebihi 70% terhadap kesemua item-item yang terdapat di dalam modul Seksualiti PEKASa. Hasil daripada temubual yang dijalankan ke atas lapan orang pakar, kesepakatan diperoleh terhadap modul ini kerana pengetahuan dan kemahiran guru dan ibubapa tentang pendidikan seksualiti yang berasaskan Latihan Mempertahankan Diri dapat dipertingkatkan. Kesimpulannya kajian ini telah menghasilkan modul Latihan Pendidikan Seksualiti yang mempunyai tahap kebolehgunaan yang tinggi. Pelaksanaan kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada sistem pendidikan negara kita melalui pembinaan Modul Seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri khususnya kepada kanak-kanak prasekolah.



THE DEVELOPMENT OF PEKASa SEXUALITY MODULE BASED ON THE SELF-DEFENCE TRAINING FOR PRESCHOOL CHILDREN

ABSTRACT

This study aims to develop a PEKASa Sexuality Module (basic sexuality health education) based on Self-Defense Training for preschool children in the effort to increase the knowledge about preschool children's sexuality education, other than being able to take care of the safety of the children. This research used Design & Development Research (DDR). This study was conducted in three phases, namely Phase I, II and III. Phase I involves the needs analysis phase which uses a survey method with a total sample of 126 people consisting of teachers and parents of preschool children. While Phase II which is the design and development phase of the module is implemented to identify the main components and elements of sexuality education according to martial arts training with a total sample of 17 experts from research-related fields. The third stage which is the Usability Assessment Phase to see the usability of the module built with a total sample of 30 people consisting of parents, preschool teachers, and eight experts. Findings from the needs analysis show that there are need to build a sexuality education module based on Self-Defense Training. While phase II through the analysis of the Fuzzy Delphi Technique, five module components and 30 elements are produced because it has a threshold value (d) ≤ 0.2 , experts' agreements $\geq 75\%$ and the value of α - cut = 0.5. For phase III, through the technique of Modified Nominal Group (modified NGT) has shown expert agreement that is more than 70% on all items found in the PEKASa Sexuality module. As a result of the interviews conducted on eight experts, agreements were reached on this module as the knowledge and skills of teachers and parents on sexuality education based on Self-Defense Training can be enhanced. In conclusion, this study has produced a Sexuality Education Training module that has a high level of usability. The implementation of this study is expected to benefit our country's education system through the development of PEKASa Sexuality Module based on Self-Defense Training, especially for preschool children.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xvii
SENARAI RAJAH	xxii
SENARAI SINGKATAN	xxiv
SENARAI LAMPIRAN	xxvi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	13
1.4 Objektif Kajian	22
1.5 Soalan Kajian	26
1.6 Kepentingan Kajian	30
1.7 Rasional Kajian	32
1.8 Kerangka Teori Kajian	34
1.9 Kerangka Kajian	46
1.10 Limitasi Kajian	48

1.11 Definisi Operasi	49
1.11.1 Modul Pembangunan Modul	49
1.11.2 Seksualiti	50
1.11.3 Pendidikan Seksualiti	50
1.11.4 Pendidikan Kesihatan Seksualiti	52
1.11.5 Tunjang Perkembangan Fizikal dan Penjagaan Kesihatan	52
1.11.6 Kanak-Kanak	53
1.11.7 Pendidikan Kesihatan Asas Seksualiti (PEKASa) Kanak-kanak Prasekolah	54
1.11.8 Latihan Mempertahankan Diri	54
1.12 Kesimpulan	55

2.1 Pengenalan	56
2.2 Sistem Pendidikan Prasekolah	57
2.2.1 Dasar Pendidikan Prasekolah	57
2.2.2 Matlamat Pendidikan Prasekolah	58
2.2.3 Maklumat Prasekolah	59
2.2.4 Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan	59
2.2.5 Perkembangan Pendidikan Seksualiti kanak-kanak	61
2.2.6 Pendidikan Kesihatan Seksualiti di Barat	64
2.2.6.1 Pendidikan Kesihatan Seksualiti di Australia	64
2.2.6.2 Pendidikan Kesihatan Seksualiti di China	66
2.2.6.3 Pendidikan Kesihatan Seksualiti di Afrika	69

2.2.6.4 Pendidikan Kesihatan Seksualiti di Eropah	70
2.2.6.5 Pendidikan Kesihatan Seksualiti di Jepun	72
2.2.7 Pendidikan Kesihatan Seksualiti di Malaysia	74
2.2.7.1 Peranan ibubapa dalam pendidikan kesihatan seksualiti di Malaysia	75
2.2.7.2 Garis Panduan Pendidikan Kebangsaan Seksualiti (GPPKS)	78
2.2.7.3 Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PEERS)	79
2.2.7.4 Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) Prasekolah	81
2.3 Isu Pendidikan Prasekolah dan Pendidikan Kesihatan Seksualiti Prasekolah	84
2.3.1 Masalah semasa yang dihadapi ibubapa dalam menangani isu masalah jenayah seksual yang melibatkan keselamatan kanak-kanak di rumah	88
2.3.2 Masalah semasa yang dihadapi guru-guru prasekolah dalam menangani isu masalah jenayah seksual yang melibatkan keselamatan kanak-kanak di sekolah	90
2.3.3 Kemahiran dan kebolehan kanak-kanak prasekolah	91
2.3.4 Kemahiran dan keupayaan yang perlu dikuasai oleh murid prasekolah	93
2.3.5 Perkembangan Fizikal dan Penjagaan Kesihatan serta hubungkait antara Perkembangan fizikal dan Penjagaan Kesihatan dengan Latihan mempertahankan diri	95
2.4 Teori- teori Berkaitan Pendidikan Kesihatan Seksualiti	103
2.4.1 Teori Perkembangan Fizikal dan Kesihatan/Pendidikan Kesihatan Seksualiti	103
2.5 Model Reka Bentuk Pembangunan Modul Seksualiti PEKASa	123

2.5.1 Modul Pengajaran	140
2.6 Kajian Lepas: Pembinaan Modul Latihan Pendidikan Seksualiti	144
2.7 Rumusan	155

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	157
3.2 Pendekatan Penyelidikan Pendidikan	158
3.3 Reka Bentuk Kajian Pembangunan Modul Seksualiti PEKASa	159
3.3.1 Pendekatan Penyelidikan	161
3.3.2 Kerangka Metodologi kajian	166
3.3.3 Rekabentuk Modul	166
3.4 Fasa I: Analisis Keperluan Modul Seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri	169
3.5 Fasa II: Rekabentuk dan Pembangunan Modul Seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri	171
3.5.1 Peringkat Reka Bentuk	173
3.5.2 Peringkat Pembangunan Modul	174
3.6 Fasa III: Penilaian Kebolehgunaan Modul Seksualiti PEKASa Berasaskan Latihan Mempertahankan Diri	176
3.6.1 Pendekatan Teknik Kumpulan Nominal Ubahsuaian (Modified NGT)	178
3.6.2 Temubual Pakar	181
3.7 Prosedur Pemilihan Sampel	184
3.7.1 Pemilihan Persampelan	184
3.7.1.1 Fasa Analisis Keperluan	184

3.7.1.2 Fasa Rekabentuk	189
3.7.1.3 Fasa Penilaian Kebolehgunaan	192
3.7.2 Instrumen Kajian	196
3.7.2.1 Instrumen Fasa Analisis Keperluan	196
3.7.2.2 Kebolehppercayaan Instrument Fasa I: Analisis Keperluan	199
3.7.2.3 Instrumen Fasa Reka Bentuk	201
3.7.2.4 Reka bentuk komponen utama Modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri	202
3.7.2.5 Penganalisan Data Berdasarkan Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM)	204
3.7.2.6 Prosedur Menjalankan Kajian Menggunakan Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM)	206
3.7.2.7 Instrumen Fasa Penilaian Kebolehgunaan	211
3.7.2.8 Prosedur Menjalankan Teknik Kumpulan Nominal (NGT)	211
3.7.2.9 Tempoh Masa Kajian Dijalankan	213
3.7.2.10 Julat Penerimaan Bagi Teknik Kumpulan Nominal (NGT)	213
3.8 Prosedur Penganalisan Data	214
3.9 Rumusan	216
3.10 Kesimpulan	219

BAB 4 HASIL DAPATAN

4.1 Pengenalan	220
4.2 Dapatan Kajian Fasa 1: Analisis Dan Keperluan Modul	222
4.2.1 Demografi Responden	222

4.2.2 Data Analisis: Keperluan pendidikan seksualiti yang berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah	232
4.2.3 Masalah dalam Pendidikan Seksualiti Kanak-kanak Prasekolah	232
4.2.4 Persepsi terhadap isu masalah jenayah seksual kepada kanak-kanak di rumah dan di sekolah	233
4.2.5 Kemahiran dan kebolehan Murid Prasekolah Menguasai Tahap Pembelajaran pendidikan seksual dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan	239
4.2.6 Kemahiran dan Kebolehan Yang Sepatutnya dikuasai oleh Murid Prasekolah	241
4.2.7 Persepsi terhadap keperluan modul Seksualiti PEKASa yang berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi Kanak-kanak Prasekolah yang bersesuaian dengan pendidikan seksualiti bagi kanak-kanak prasekolah	244
4.3 Dapatan Kajian Fasa 2: Rekabentuk Dan Pembangunan Modul	247
4.3.1 Pengenalan	247
4.3.2 Analisis Reka Bentuk Modul Seksualiti PEKASa	252
4.3.3 Dapatan Langkah 1: Pembangunan Komponen Utama modul Seksualiti PEKASa berdasarkan Dua Model Sedia Ada	254
4.3.4 Deskripsi Panel Pakar Bagi Pembentukan Instrumen <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM)	261
4.3.5 Pembentukan Instrumen <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM)	269
4.3.6 Dapatan Langkah 2: Pengesahan komponen utama modul Seksualiti PEKASa berdasarkan kesepakatan pakar menggunakan kaedah <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM)	271
4.3.7 Bahagian I – Dapatan Demografi Pakar	272
4.3.8 Dapatan Komponen Utama Modul Seksualiti PEKASa Berdasarkan Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM)	275

4. 3.9 Dapatan langkah 3: Pengesahan Kandungan Utama Modul Pendidikan Seksualiti Berasaskan Latihan Mempertahankan Diri yang sesuai bagi murid-murid prasekolah	295
4.3.10 Kesimpulan Rekabentuk Modul Hasil Dapatan Kesepakatan Pakar melalui <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM)	310
4.3.11 Analisis Pembangunan Modul Seksualiti PEKASa	313
4.3.12 Pembangunan Modul Terpilih untuk Penilaian Kepenggunaan	314
4.4 Dapatan Kajian Fasa 3: Penilaian Kebolehgunaan	327
4.4.1 Pengenalan	327
4.4.2 Demografi Pakar Kajian	333
4.4.3 Kesesuaian aktiviti-aktiviti Modul Seksualiti PEKASa	336
4.4.4 Kesesuaian tema bagi setiap aktiviti Modul Seksualiti PEKASa	339
4.4.5 Kesesuaian Standard Pembelajaran bagi setiap aktiviti Modul Seksualiti PEKASa	342
4.4.6 Kesesuaian Objektif bagi setiap aktiviti Modul Seksualiti PEKASa	347
4.4.7 Kesesuaian Jangka Masa bagi setiap aktiviti Modul Seksualiti PEKASa	352
4.4.8 Kesesuaian Tempat Pelaksanaan bagi setiap aktiviti Modul Seksualiti PEKASa	356
4.4.9 Kesesuaian Peralatan bagi setiap aktiviti Modul Seksualiti PEKASa	359
4.4.10 Kesesuaian Lampiran Aktiviti bagi setiap aktiviti Modul Seksualiti PEKASa	362
4.4.11 Kesesuaian Proses Pelaksanaan Aktiviti bagi setiap aktiviti Modul Seksualiti PEKASa	366
4.4.12 Kesesuaian Pernyataan bagi Keseluruhan Kebolehgunaan Modul Seksualiti PEKASa	382

4.5 Kebolehgunaan Modul Seksualiti PEKASa untuk guru prasekolah dan ibubapa bagi pemantauan penilaian pakar (Temubual)	385
4.5.1 Dari sudut kelebihan modul	386
4.5.1.1 Kelebihan daripada sudut sesi dan aktiviti, standard pembelajaran, objektif, jangka masa, tempat, peralatan dan lampiran aktiviti	387
4.5.2 Kekurangan Modul	396
4.5.2.1 Lampiran aktiviti	397
4.5.2.2 Pengajaran ICT	397
4.5.3 Penambahbaikan Modul Seksualiti PEKASa	398
4.5.3.1 Perbezaan individu kanak-kanak (4+ dan 5+)	398
4.5.3.2 Format Penulisan Modul	399
4.6 Rumusan Fasa Penilaian: Kebolehgunaan Modul Seksualiti PEKASa Berasaskan Latihan Mempertahankan Diri Bagi Kanak-kanak Prasekolah	400
4.6.1 Kebolehgunaan Modul Seksualiti PEKASa Berasaskan Latihan Mempertahankan Diri Bagi Kanak-kanak Prasekolah daripada data Teknik Kumpulan Nominal (NGT)	408
4.6.2 Kebolehgunaan Modul Seksualiti PEKASa Berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi Kanak-kanak Prasekolah dari pandangan pakar (temubual)	405
4.6.3 Rumusan Kebolehgunaan Modul Seksualiti PEKASa Berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi Kanak-kanak Prasekolah	406

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN & IMPLIKASI

5.1 Pengenalan	408
5.2 Rumusan Dapatan Kajian	409
5.3 Perbincangan	426
5.3.1 Perbincangan tentang Rekabentuk dan Pembangunan Modul Seksualiti PEKASa Berasaskan Latihan Mempertahankan diri	427
5.4 Implikasi Kajian	455
5.4.1 Implikasi Praktis	455
5.4.2 Implikasi Teori	459
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	462
5.6 Kesimpulan	464
5.7 Penutup	467

RUJUKAN	469
----------------	-----

LAMPIRAN



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Tiga Tahap dalam Model Fitts dan Posner serta hubungkait dengan jenis kemahiran di dalam kurikulum KSPK di dalam tunjang perkembangan kognitif dan fizikal	124
2.2	Aplikasi penggunaan Model Latihan SIM di dalam kajian rekabentuk pembangunan modul	132
2.3	Kandungan modul Nicolaides 2012 yang digunakan dalam pembangunan Modul Pedagogi kelas Berbalik	135
3.1	Bentuk dan Pendekatan Kajian Pembangunan	159
3.2	Kaedah Berdasarkan Pendekatan DDR	160
3.3	Kerangka Metod Penilaian Kebolehgunaan	178
3.4	Statistik Kanak-Kanak Terlibat dengan Penderaan Seksualiti Mengikut Negeri dan Jantina, 2018	186
3.5	Maklumat Latar Belakang Pakar Temu bual	189
3.6	Maklumat Latar Belakang Pakar	190
3.7	Maklumat Latar Belakang Pakar Pemurniaan modul	192
3.8	Maklumat Latar Belakang Pakar Temu bual Pemantauan Penilaian	195
3.9	Maklumat Latar Belakang Pakar Intrumen	198
3.10	Nilai Kebolehppercayaan Instrumen Analisis Keperluan (<i>Cronbach's Alpha</i>)	200
3.11	Nilai alpha cronbach bagi setiap elemen soal selidik analisis keperluan	200
3.12	Skala pemboleh ubah linguistik 7 mata	208
3.13	Contoh nilai <i>threshold</i> (d) bagi 3 item dan 12 pakar	209





3.14	Contoh peratusan kesepakatan pakar	209
3.15	Contoh nilai skor <i>fuzzy</i> (A)	210
3.16	Contoh penganalisisan berdasarkan pendekatan Teknik Kumpulan Nominal (NGT)	214
4.1	Status Responden Kajian	223
4.2	Suku Kaum Responden Kajian	223
4.3	Bahasa Komunikasi Responden Kajian	224
4.4	Agama Responden Kajian	225
4.5	Umur Responden Kajian	226
4.6	Taraf Pendidikan Responden Kajian	227
4.7	Bilangan anak responden kajian	228
4.8	Bilangan anak responden yang bersekolah di prasekolah & rendah	228
4.9	Bilangan anak responden yang bersekolah menengah	229
4.10	Bilangan Anak Melanjutkan Pelajaran di IPTA atau IPTS Responden Kajian	230
4.11	Analisis Masalah Jenayah Seksual dari Aspek Keselamatan Kanak-kanak Di Rumah	231
4.12	Analisis Masalah Jenayah Seksual dari Aspek Keselamatan Kanak-kanak Di Sekolah	237
4.13	Analisis Terhadap Kemahiran dan Kebolehan Murid Prasekolah Menguasai Tahap Pembelajaran pendidikan seksual dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan	239
4.14	Analisis Terhadap Kemahiran dan Kebolehan Yang Sepatutnya dikuasai oleh Murid Prasekolah dalam pendidikan seksualiti Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan	242
4.15	Dapatan kajian bagi keperluan pembangunan modul	244
4.16	Langkah bagi analisis reka bentuk modul Seksualiti PEKASa dan persoalan kajian	253





4.17	Reka bentuk dan perincian komponen utama modul Seksualiti PEKASA berdasarkan model SIM dan model <i>The Circles Of Sexuality</i>	257
4.18	Maklumat Latar Belakang Pakar Intrumen	262
4.19	Sandaran Teori, Model dan Kurikulum bagi Pembangunan Elemen Aktiviti	264
4.20	Elemen latihan mempertahankan diri dalam Modul PEKASa	265
4.21	Reka bentuk dan perincian kandungan utama modul Seksualiti PEKASA berdasarkan model SIM	267
4.22	Jantina Responden pakar	272
4.23	Tahap pendidikan pakar	273
4.24	Pengalaman Pakar	274
4.25	Bidangn Pakar	274
4.26	Komponen utama modul seksualiti PEKASa berdasarkan Analisa <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM) dan cadangan panel pakar	275
4.27	Komponen utama modul seksualiti PEKASa berdasarkan Analisis <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM)	277
4.28	Elemen Aktiviti Kesihatan Fizikal & Reproduksi berdasarkan Analisis <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM)	280
4.29	Elemen Aktiviti Pengurusan Kesihatan Emosi dan Sosial berdasarkan Analisis <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM)	283
4.30	Elemen Aktiviti Hubungan Kekeluargaan berdasarkan Analisis <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM)	286
4.31	Elemen Aktiviti Perhubungan Orang luar berdasarkan Analisis <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM)	290
4.32	Elemen Aktiviti Keselamatan berdasarkan Analisis <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM)	292
4.33	Jenis kemahiran & aktiviti berdasarkan Analisis <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM)	296
4.34	Cadangan tema berdasarkan Analisis <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM)	300



4.35	Cadangan jangka masa aktiviti modul Pendidikan seksualiti berdasarkan Analisis <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM)	302
4.36	Cadangan peralatan/bahan modul Pendidikan seksualiti berdasarkan Analisis <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM)	305
4.37	Cadangan kandungan utama modul Pendidikan seksualiti berdasarkan Analisis <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM)	308
4.38	Pembahagian elemen-elemen aktiviti latihan mempertahankan diri serta penentuan jangka masa aktiviti mengikut cadangan oleh pakar	316
4.39	Penetapan untuk sesi aktiviti, jenis kemahiran, peralatan/bahan serta tema bagi pembangunan Modul Seksualiti PEKASa	320
4.40	Perincian standard pembelajaran dan objektif aktiviti yang digunakan ke dalam Modul Seksualiti PEKASa	324
4.41	Perwakilan Kod Pakar Kajian dalam Teknik Kumpulan Nominal (NGT).	329
4.42	Demografi Pakar Kajian Kebolegunaan Modul Seksualiti PEKASa	333
4.43	Dapatan Data Teknik Kumpulan Nominal: Penilaian Kebolegunaan aktiviti-aktiviti Modul Seksualiti PEKASa	336
4.44	Dapatan Data Teknik Kumpulan Nominal: Penilaian Kebolegunaan tema bagi setiap aktiviti Modul Seksualiti PEKASa	340
4.45	Dapatan Data Teknik Kumpulan Nominal: Penilaian Kebolegunaan standard pembelajaran bagi setiap aktiviti Modul Seksualiti PEKASa	343
4.46	Dapatan Data Teknik Kumpulan Nominal: Penilaian Kebolegunaan objektif bagi setiap aktiviti Modul Seksualiti PEKASa	348
4.47	Dapatan Data Teknik Kumpulan Nominal: Penilaian Kebolegunaan jangka masa bagi setiap aktiviti bagi setiap aktiviti Modul Seksualiti PEKASa	353
4.48	Dapatan Data Teknik Kumpulan Nominal: Penilaian Kebolegunaan tempat pelaksanaan bagi setiap aktiviti bagi setiap aktiviti Modul Seksualiti PEKASa	356
4.49	Dapatan Data Teknik Kumpulan Nominal: Penilaian Kebolegunaan peralatan bagi setiap aktiviti Modul Seksualiti PEKASa	359

4.50	Dapatan Data Teknik Kumpulan Nominal: Penilaian Kebolegunaan lampiran aktiviti bagi setiap aktiviti Modul Seksualiti PEKASa	363
4.51	Dapatan Data Teknik Kumpulan Nominal: Penilaian Kebolegunaan proses pelaksanaan aktiviti bagi setiap aktiviti Modul Seksualiti PEKASa	366
4.52	Dapatan Data Teknik Kumpulan Nominal: Penilaian terhadap pernyataan bagi keseluruhan kebolegunaan Modul Seksualiti PEKASa	381

**SENARAI RAJAH**

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Teori	41
1.2	Kerangka kajian	45
2.1	Jenis kemahiran murid prasekolah yang terdapat dalam KBAT	91
2.2	Matlamat perkembangan fizikal dan penjagaan kesihatan (KSPK 2017)	93
2.3	Kurikulum Seni Silat Malaysia. Sumber: Shapie & Elias (2016)	97
2.4	Cadangan Kemahiran dalam Tunjang Perkembangan Fizikal yang boleh diaplikasi di dalam pengajaran aktiviti Silat PEKASa (FK 2.2 & FK 2.3)	98
2.5	Piramid Keperluan manusia Abraham Maslow	109
2.6	Tujuh Langkah Model Taba yang digunakan dalam kajian Fasa 1 - Analisis Keperluan. Sumber: http://dspace.fsktm.um.edu.my/bitstream/1812/419/2/bab%201-1.pdf	122
2.7	Model Kitaran Seksualiti yang digunakan dalam Fasa 2-Rekabentuk Kajian	126
2.8	Reka bentuk latihan bagi model latihan SIM (Milano & Ullius, 1998)	132
2.9	Model CIPP yang merupakan tunjang Fasa Penilaian Kebolehgunaan Modul	134
2.10	Langkah dalam Model Kurikulum Taba yang digunakan dalam pembangunan modul Webquest Pendidikan Kesihatan, Alijah Ujang.	137
2.11	Dimensi Pendidikan Seksualiti yang digunakan untuk pembangunan modul pendidikan seksualiti bagi Guru program pendidikan Khas Integrasi	138





3.1	Kerangka metodologi kajian	166
3.2	Model Latihan SIM	167
3.3	Model Kitaran Seksualiti	168
3.4	Carta alir Fasa Analisis Keperluan	170
3.5	Carta Alir Fasa Reka Bentuk	175
3.6	Carta Alir Fasa Penilaian	177
3.7	Statistik peningkatan bilangan penagih dadah mengikut Negeri	185
3.8	Graf segi tiga min melawan nilai triangular	204
3.9	Carta Alir proses Teknik Kumpulan Nominal (NGT)	212
3.10	Proses Pembinaan Modul PEKASa	218
4.1	Cadangan Prototaip Modul Seksualiti PEKASa Yang Berasaskan Latihan Mempertahankan Diri.	312
5.1	Perkaitan antara teori Psikoseksual Piaget dengan Modul Seksualiti PEKASa	429
5.2	Keselarian proses daripada Fasa Analisis Keperluan kepada Proses Pembangunan & Rekabentuk Modul Seksualiti PEKASa Berasaskan Latihan Mempertahankan Diri	439
5.3	Rekabentuk Modul Seksualiti PEKASa Berasaskan Latihan Mempertahankan Diri dengan penggunaan bahan bantu latihan yang bersesuaian dengan jenis kemahiran	442
5.4	Empat konsep Penilaian CIPP yang digunakan dalam Fasa ketiga Penilaian Kebolehgunaan Modul Seksualiti PEKASa Berasaskan Latihan Mempertahankan Diri	452





SENARAI SINGKATAN

BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
CIPP	<i>Context, Input, Process and Product</i>
DDR	Penyelidikan Rekabentuk dan Pembangunan
DKSPK	Dokumen Standard Prasekolah Kebangsaan
FDM	<i>Fuzzy Delphi</i>
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
GPPKS	Garis Panduan Pendidikan Kebangsaan Seksualiti
ICT	<i>Information and Communications Technology</i>
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KBAT	Kemahiran Berfikir Tahap Tinggi
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LGBT	Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transeksual
NGT	<i>Nominal Group Technique</i>
NKRA	<i>National Key Results Areas</i> (Bidang Keberhasilan Utama Negara)
PAKK	Pendidikan Awal Kanak-kanak
PEERS	Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial
PEKASa	Pendidikan Kesihatan Asas Seksualiti
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah



PPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
RUU	Rang Undang-Undang
SIM	<i>Sequential Iterative Model</i>
SPSS	<i>Statistical Packages For The Social Science</i>
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
UNDP	<i>United Nations Development Programme</i>
UNICEF	<i>United Nations Children's Fund</i>
WHO	<i>World Health Organization</i>

SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Maklumbalas Kesahan Pakar Instrumen
- B Instrumen Analisis Keperluan
- C Intrumen Rekabentuk dan Pembangunan Modul
- D Instrumen Penilaian Kebolegunaan
- E Protokol Temubual Fasa III & II
- F Surat Kebenaran Menjalankan Kajian
- G Modul Seksualiti PEKASa Berasaskan Latihan Mempertahankan Diri
- H Senarai Penerbitan dan Pembentangan Persidangan

BAB 1

PENDAHULUAN

Sebagai pengenalan, bab ini akan membincangkan secara terperinci tentang beberapa aspek dalam kajian yang dijalankan. Antara aspek yang akan dihuraikan ialah tentang pengenalan umum berkaitan pendidikan seksual kanak-kanak, latar belakang kajian, pernyataan masalah, kerangka konseptual kajian, objektif kajian, soalan kajian, skop kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, definisi istilah serta kesimpulan terhadap setiap aspek yang dibincangkan.

Masyarakat pada hari ini dibebani dengan pelbagai masalah sosial di mana pelbagai aktiviti yang dilakukan oleh kanak-kanak dan remaja semakin mendapat perhatian masyarakat. Namun begitu, oleh kerana anak-anak yang digelar sebagai pewaris negara di masa depan, maka kegiatan mereka diperdebatkan dengan hangat dan



mendapat perhatian dari semua lapisan masyarakat. Media massa juga sering menyiarkan pelbagai berita dan cerita mengenai penderaan seksual dan penderaan kanak-kanak yang berlaku di negara kita.

Kanak-kanak merupakan aset negara terpenting kerana mereka ini yang akan meneruskan segala pembangunan dan rancangan yang telah diatur oleh kerajaan. Banci penduduk bagi tahun 2019 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019) mendapati jumlah kanak-kanak bawah 18 tahun di Malaysia pada 2019 adalah sebanyak 9.4 juta orang iaitu 29.4% daripada keseluruhan 32 juta penduduk, iaitu sedikit menurun berbanding 29.9% pada 2016.

Pendidikan seksualiti kanak-kanak adalah ditakrifkan sebagai pendidikan seks yang dikatakan lebih memfokuskan aspek reproduktif, perlindungan dan keselamatan fizikal (Tin, 2014). Ianya turut diberi penambahan aspek dalam pendidikan seksual di mana pendidikan seksualiti juga mengambil kira aspek agama, nilai dan budaya masyarakat Malaysia (Shariza, 2017).

Terkini, semakin ramai di kalangan kanak-kanak di negara kita yang didapati dianiaya dari segi kesalahan seksual seperti pornografi, pangantunan (*sexual grooming*) dan amang seksual (Norazla Abdul Wahab & Mohd Farok Mat Nor, 2018). Mengikut perangkaan Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 13,272 kes rogol atau 59.7% direkodkan bagi tempoh berkenaan, manakala cabul (6,014 kes atau 27.04%), sumbang mahram (1,766 kes atau 8.07%) dan luar tabii (1,152 kes atau 5.18%) (Online BH, 2017). Pada masa yang sama, negara juga sedang menghadapi dilema sosial yang melibatkan peningkatan kes penderaan seksual di kalangan kanak-kanak (Kili, 2017).



Kebanyakan kes penderaan seksual yang berlaku adalah dari kalangan mereka yang rapat dan dikenali kanak-kanak, namun punca yang paling utama ialah tiadanya pendedahan tentang penjagaan keselamatan diri kepada kanak-kanak. Didapati, ibubapa merupakan pengajar keselamatan diri yang berkesan di rumah, di mana anak-anak yang diajar oleh ibubapa menunjukkan peningkatan yang lebih besar dalam mengenali sentuhan selamat dan tidak selamat serta penglibatan ibubapa juga amat berkesan dalam penerapan kemahiran keselamatan diri (Prasitnok et al., 2017).

Maka isu ini telah menarik minat pengkaji untuk menjalankan kajian terhadap keperluan membina satu Modul Seksualiti PEKASa Yang Berasaskan Latihan Mempertahankan diri sebagai sumber maklumat untuk menjangka intervensi yang sesuai bagi mencegah dan menangani permasalahan ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Seksyen 2 Akta Kanak-kanak 2001 mentakrifkan kanak-kanak sebagai orang yang berumur di bawah 18 tahun. Orang-orang yang rentan ini mewakili satu pertiga atau 29.4% penduduk negara ini (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Baru-baru ini terdapat banyak isu yang melibatkan keselamatan dan perlindungan kanak-kanak yang dipaparkan di akhbar seperti kes kanak-kanak diculik, dirogol, dibunuh, didera dan sebagainya. Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan bahawa sebanyak 22,234 kes penderaan seksual kanak-kanak dicatatkan dari tahun 2010 hingga Mei 2017, dengan rata-rata 3,176 kes setiap tahun. Angka tersebut mewakili empat kategori penderaan seksual, iaitu rogol sebanyak 13,272 kes diikuti dengan cabul 6,014 kes,



insiden 1,796 kes dan tindakan tidak wajar 1,152 kes (Online BH, 2017). Kajian menunjukkan bahawa satu daripada empat kanak-kanak perempuan dan satu daripada enam kanak-kanak lelaki telah menjadi mangsa penderaan seksual sebelum mereka berumur 18 tahun (Pereda, Guilera, Forns & Gómez-Benito, 2009). Ini menunjukkan bahawa setiap kanak-kanak berisiko menjadi mangsa penderaan seksual.

Definisi penderaan seksual kanak-kanak yang diterima umum adalah definisi yang diberikan oleh Tabung Kecemasan Kanak-kanak Antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF, 2018) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO, 2019). Menurut UNICEF (2018) dan WHO (2019), penderaan seksual terhadap kanak-kanak adalah penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti seksual yang mereka tidak faham dengan baik, mereka tidak dapat bersetuju dengan bijak, atau yang melanggar undang-undang atau norma masyarakat. Penganiayaan seksual seperti itu merangkumi perbuatan meraba kemaluan, merogol dan membangkitkan nafsu kanak-kanak dengan memintanya secara tidak munasabah, mendedahkan bahagian rahsia badan atau menunjukkan bahan lucah. Tingkah laku yang tidak melibatkan sentuhan seperti mengintip, mendedahkan bahagian badan yang sulit dan kata-kata cabul yang diucapkan kepada kanak-kanak juga merupakan penderaan seksual (Norazla Abdul Wahab, 2018). Di samping itu, mengeksploitasi kanak-kanak untuk tujuan pornografi melalui internet dan menggunakan bahan untuk membolehkan kanak-kanak digunakan oleh orang lain sebagai pelacur juga merupakan bentuk penderaan seksual (Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak, 2017). Biasanya penderaan seksual terhadap kanak-kanak bertujuan untuk memberikan kepuasan seksual kepada orang yang melakukannya. Penderaan seksual akan meninggalkan kesan mendalam kepada mangsa. Antaranya, kanak-kanak akan mengalami trauma emosi seperti kemurungan, perubahan tingkah





laku, trauma seksual serta kecederaan fizikal seperti lebam, pendarahan, kemerahan dan ruam, terutama di kawasan kemaluan. Pandangan ini selaras dengan kajian oleh (Azmi et al., 2019) yang mengatakan bahawa kemurungan yang disebabkan oleh penderaan seksual yang berlaku pada kanak-kanak adalah gejala dan bukan sindrom.

Kebanyakan takrifan mengenai penderaan seksual adalah merangkumi tiga bahagian iaitu perbuatan sentuhan, perbuatan tanpa sentuhan dan pornografi kanak-kanak. Perbuatan sentuhan ialah apabila berlaku interaksi seksual pada bahagian sulit kanak-kanak seperti memasukkan objek ke bahagian sulit, mulut atau dubur, melakukan seks oral dan meliwat, mencium menggunakan lidah, menyentuh secara seksual iaitu dengan meraba bahagian sulit dan bahagian badan. Manakala perbuatan tanpa sentuhan ialah apabila menunjukkan bahan-bahan lucah kepada kanak-kanak, menggalakkan kanak-kanak dengan kata-kata, menipu, memaksa atau mengugut kanak-kanak untuk melakukan sebarang aktiviti seksual atau pelacuran, membuat pameran, menggalakkan kanak-kanak untuk melihat bahagian sulit, panggilan lucah, menghantar kata-kata lucah, merekod video serta gambar-gambar (Anang, 2015). Pornografi pula ialah apabila perlakuan seks kanak-kanak itu direkodkan. Penderaan seksual ini dapat diatasi sekiranya pendidikan seksualiti di kalangan kanak-kanak dapat diperkenalkan dan dihayati oleh semua peringkat samada dari pihak penguatkuasa, ibubapa mahupun para pendidik.

Seksualiti adalah perasaan atau pemahaman seseorang terhadap perubahan emosi dan tindak balas fungsi biologi, psikologi dan sosial yang bersifat multidimensi (Veiga, Teixeira, Martins & Meliço-Silvestre, 2006). Perasaan ini merangkumi aspek perkembangan manusia yang bersifat multidimensi dan menyeluruh. Selain daripada





fungsi anatomi, fisiologi dan sistem tindak balas biokimia seksual manusia, seksualiti juga merangkumi aspek kognitif (kemahiran asertif, kemampuan untuk membuat keputusan yang bijak dan bertanggungjawab), aspek afektif (perasaan kehangatan, penerimaan, cinta dan penghargaan antara dua manusia), dan tingkah laku manusia (hubungan interpersonal yang sihat dan kemahiran komunikasi yang berkesan) (Drazenovich, 2015). Pendidikan seksualiti di kalangan kanak-kanak adalah penting untuk memberi pendedahan dalam aspek perubahan fizikal kanak-kanak, fisiologikal serta psikologikal semasa akil baligh, dan juga tentang penjagaan kesihatan reproduktif.

Laporan daripada '*The Comprehensive Sexuality Education: The Challenges And Opportunities Of Scaling-Up*' United Nations Cultural Organization (UNESCO, 2018) menunjukkan bahawa pendidikan juga bertindak pada tahap sosial yang lebih luas, dengan potensi untuk mengubah norma sosial dengan mempengaruhi orang dewasa (contohnya, guru dan ibubapa), persekitaran sosial dan generasi muda yang akan datang. Generasi muda yang dimaksudkan ini boleh dikategorikan sebagai kanak-kanak prasekolah yang memerlukan sistem pendidikan yang baik bersesuaian dengan kemajuan pendidikan masa kini. Pendidikan seksualiti pula merupakan proses pembelajaran sepanjang hayat yang merangkumi kesemua dimensi seksualiti di atas untuk mencapai empat objektif, iaitu membekalkan maklumat, membina nilai, membina kemahiran interpersonal dan membina konsep bertanggungjawab (Wazakili, Mpofo & Devlieger, 2011). Namun begitu, pendidikan seks atau pendidikan seksualiti begitu sukar untuk diterima oleh masyarakat walaupun pada hakikatnya seks adalah perkara fitrah dan lumrah dalam kehidupan sosial (Mobredi, Hasanpoor-Azghady, Azin, Haghani & Farahani, 2018). Walhal pengaruh dan penglibatan ibubapa ini telah dibincangkan di dalam Laporan Tahunan UNESCO (2018). Justeru penglibatan



ibubapa di rumah amatlah penting untuk membantu mereka memahami persoalan seks kepada anak-anak.

Dilaporkan sebanyak 247,626 (27.2%) murid prasekolah swasta yang dikemaskini dalam SMPK oleh pengusaha prasekolah swasta (2016) serta sasaran Kementerian Pendidikan untuk mencapai matlamat 90% enrolmen murid prasekolah seperti digariskan dalam gelombang satu Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) hampir berjaya mencapai matlamat apabila sebanyak 81% penyertaan telah direkodkan tahun lalu. Peratus penyertaan murid ke dalam prasekolah ini menunjukkan bahawa semakin ramai di kalangan murid yang memerlukan pendidikan seksualiti yang berteraskan pengajaran dan pembelajaran yang lebih efisien. Hal ini bertujuan untuk menjaga keselamatan diri sendiri serta membanteras masalah yang berkaitan dengan penderaan seksualiti dan sebagainya (Zainun Ishak, 2006; Chan, 2013).

Pendidikan berkaitan penderaan seksual dan pencegahannya sahaja tidak mencukupi dalam konteks sekolah (Robinson & Davies, 2017). Oleh itu, usaha yang lebih besar diperlukan untuk menyediakan kanak-kanak yang mempunyai akses kepada maklumat pencegahan melalui saluran lain. Kritikan terhadap program berasaskan sekolah di negara-negara barat juga menekankan bahawa terlalu bergantung pada intervensi yang berfokus pada kanak-kanak dapat menghalang perkembangan inisiatif pencegahan yang memberi tumpuan kepada sasaran pencegahan lain seperti ibubapa (Rudolph, Zimmer-Gembeck, Shanley & Hawkins, 2018).



Program pendidikan kesihatan seksualiti mesti dirancang untuk memenuhi keperluan individu dan bukan domain eksklusif ibubapa atau pendidik; sebaliknya, kerjasama antara rumah dan sekolah terbaik menyediakan kanak-kanak dengan alat yang mereka perlukan untuk meningkatkan kesihatan seksual mereka pada masa dewasa (Monaco, Gibbon & Bateman, 2018). Kesemua program ini berhasrat untuk melahirkan kanak-kanak yang seimbang dari sudut perkembangan jasmani, emosi, rohani, intelek serta sosial (JERIS). Dan ini juga membantu perkembangan kanak-kanak yang normal di samping selari dengan arus perkembangan dunia yang pesat.

Berbicara tentang perkembangan kanak-kanak, terdapat beberapa teori perkembangan kanak-kanak antaranya ialah teori perkembangan Psikososial Erikson (1956), teori perkembangan Kognitif Jean Piaget (1962) serta teori Perkembangan Psikoseksual Sigmund Freud. Teori Perkembangan Psikososial Erikson yang telah dikemukakan oleh Eric Erikson (1956) merupakan satu teori yang telah banyak digunakan di dalam pelbagai kajian, namun perkembangan ini tidak signifikan terhadap pendidikan seksualiti. Namun demikian, perkembangan psikososial ini turut dibincangkan supaya kanak-kanak dapat membesar seiring dengan semua peringkat yang ada. Fokus teori perkembangan ini lebih menjerumus kepada perkembangan identiti. Menurut Erikson (1956) lagi, terdapat 8 tahap perkembangan pada setiap peringkat perkembangan psikososial ini, individu akan mengalami konflik dengan manusia lain. Apabila manusia berjaya menghadapi konflik, mereka akan bergerak ke arah tahap seterusnya (Yusuf & Amin, 2020). Antara konflik tersebut ialah percaya lawan tidak percaya, autonomi lawan kesangsian, inisiatif lawan rasa bersalah, kecekapan lawan rasa rendah diri, identiti lawan kekeliruan peranan, intim lawan





pengasingan, menjanakan lawan tetap dan ketulusan lawan putus harapan. Kanak-kanak prasekolah (5-6 tahun) berada pada tahap tiga dan tahap empat iaitu inisiatif lawan rasa bersalah dan kecekapan lawan rasa rendah diri (Ali et al., 2015). Jika mereka diberi peluang untuk mencerminkan identiti mereka dengan baik sudah pasti mereka dapat melepasi tahap ini dan berjaya melawan perasaan rendah diri akibat daripada dianiyai secara seksualiti. Namun teori ini hanya memfokuskan kepada hubungan sosial sahaja serta tidak menumpukan kepada perkembangan seksualiti seperti dalam konteks kajian ini.

Manakala teori perkembangan kognitif bagi awal kanak-kanak pula telah dipelopori oleh Jean Piaget melalui teori konstrutif (Piaget, 1962). Berdasarkan kepada teori tersebut, perkembangan kognitif kanak-kanak akan seiring dengan kematangan.

Pada peringkat awal kanak-kanak yang berumur di antara empat hingga enam tahun, mereka berada pada fasa pra-operasi dan fasa awal intuitif (Langford & Langford, 2018). Pada fasa Pra-operasi ini, kanak-kanak masih tidak boleh berfikir secara logik tetapi pembelajaran kanak-kanak lebih bersifat sosial dan berkumpulan. Kanak-kanak lebih kepada perasaan ingin tahu, di mana mereka akan kerap bertanya dan gemar untuk meneroka sesuatu yang baru. Umumnya mengetahui bahawa setiap jenis pembelajaran memerlukan keupayaan kognitif, begitu juga dengan kanak-kanak prasekolah. Namun terdapat pelbagai kaedah pembelajaran samada secara teori dan praktikal yang dapat diterapkan dalam pengajaran. Teori Piaget banyak memfokuskan tentang keupayaan kognitif kanak-kanak serta peringkat dan tahap-tahap perkembangan kognitif (Barrouillet, 2015). Manakala kajian ini lebih menumpukan kepada perkembangan seksual kanak-kanak yang memerlukan analisis dari aspek keselamatan diri.



Perkembangan psikoseksual adalah merupakan perkembangan yang perlu ada dalam perkembangan setiap kanak-kanak dan Sigmund Freud merupakan pelopor perkembangan psikoseksual awal kanak-kanak (Freud, 1970). Beliau telah menyatakan bahawa kanak-kanak yang berumur tiga hingga enam tahun berada pada peringkat falik. Pada peringkat ini, kanak-kanak mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap tubuh badan mereka, boleh membezakan antara lelaki dan perempuan dan boleh membezakan jantina ibu dan bapa mereka. Selain itu terdapat beberapa tahap dalam perkembangan seksual mengikut teori ini seperti tahap oral, anal dan falik. Kesemua peringkat psikoseksual ini menjurus kepada perkembangan seksualiti kanak-kanak dan ianya dapat mengupas kepada persoalan tentang bagaimana mereka memperoleh perkembangan tersebut. Hal ini sangat bertepatan dengan fokus kajian ini yang memberi tumpuan kepada pendidikan seksualiti yang berasaskan latihan mempertahankan diri yang juga merupakan kesinambungan daripada PEERS (Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial). Penggunaan teori perkembangan Sigmund Freud ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci lagi di dalam bab dua.

Manakala dari sudut pertahanan diri, ianya adalah tindakan balas yang melibatkan mempertahankan kesejahteraan diri sendiri dari sebarang bahaya. Pertahanan diri fizikal dan mental adalah penggunaan kekuatan fizikal dan keupayaan mental untuk menentang ancaman keganasan yang pantas. Daya pertahanan diri yang sedemikian boleh bersenjata atau tidak bersenjata. Dalam mana-mana kes, yang peluang kejayaan bergantung kepada sejumlah besar parameter, yang berkaitan dengan keparahan ancaman pada satu tangan, tetapi juga mengenai kesediaan mental dan fizikal pertahanan (Bell et al., 2016). Keupayaan seni mempertahankan diri pula adalah untuk mengurangkan pencerobohan diri seseorang, meningkat harga diri,



meningkatkan ciri-ciri positif yang lain, dan juga memperbaiki terapi pemulihan kepada kanak-kanak. Program seni mempertahankan diri adalah aktiviti fizikal rekreasi yang menggabungkan teknik dendam, meditasi, dan latihan pergerakan diri (Chan et al., 2013). Gaya seni mempertahankan diri memberi tumpuan kepada aspek-aspek berlainan diri yang mempengaruhi teknik dan latihan pergerakan.

Oleh itu, tumpuan terhadap kemahiran mempertahankan diri perlu diberi kepada kanak-kanak sebagai salah satu alternatif baru kepada pendidikan seksualiti. Usaha ini merupakan inisiatif pencegahan kepada penganiayaan dan penderaan seksual kanak-kanak (Chan et al., 2013). Jika di lihat dalam beberapa dekad kebelakangan ini, amalan seni mempertahankan diri telah menjadi lebih popular di banyak negara Barat dan juga negara asia. Pelbagai bentuk dan gaya seni bela diri yang diamalkan semakin meningkat sejak beberapa tahun. Di samping sukan pertarungan (Tinju dan gusti) yang telah diamalkan di negara Eropah, sistem lain (contoh; judo, jiu-jitsu dan karate) mendapat tempat di kalangan ibubapa (Aarssen & Crimi, 2016).

Kebanyakan gaya seni mempertahankan diri diamalkan untuk mempertahankan diri atau mempunyai kandungan teknik pertahanan diri. Sesetengah gaya terutamanya untuk mempertahankan diri adalah seperti sukan tentera atau tempur yang lain boleh digunakan dengan berkesan untuk mempertahankan diri. Beberapa latihan bela diri melatih bagaimana untuk melarikan diri dari situasi pisau atau pistol, atau bagaimana untuk menumbuk, sementara yang lain melatih cara menyerang. Untuk menyediakan lebih banyak pertahanan diri yang praktikal, ramai ahli seni bela diri moden kini menggunakan gabungan gaya dan teknik seni mempertahankan diri. Latihan pertahanan diri perlu disesuaikan dengan gaya hidup para peserta, pekerjaan, kelompok usia dan



jantina, dan keupayaan fizikal dan mental (Hollander, 2018). Oleh itu, fokus kepada kajian ini ialah pendidikan seksualiti yang berasaskan latihan mempertahankan diri yang bersesuaian dengan umur dan perkembangan fizikal kanak-kanak prasekolah.

Perkembangan fizikal adalah aspek yang menekankan asas pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak dalam keadaan sihat, selamat dan ceria. Latihan seni mempertahankan diri juga melibatkan aktiviti-aktiviti perkembangan fizikal. Seperti yang dinyatakan dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KPM, 2017), perkembangan fizikal kanak-kanak merangkumi kemahiran motor halus, kemahiran motor kasar, kemahiran manipulatif dan pergerakan berirama yang menjadi asas kepada pelbagai pergerakan kompleks yang diperlukan dalam kehidupan. Perkembangan fizikal sangat penting untuk kecergasan badan, kecerdasan mental, ketangkasan, koordinasi dan kesihatan pelajar. Latihan keselamatan diri seperti silat adalah salah satu aktiviti fizikal yang dihasilkan dari budaya negara kita, dan perlu diajar dari prasekolah hingga peringkat menengah (Pakaya, 2018).

Berdasarkan keterangan di atas, aktiviti seni mempertahankan diri boleh dijadikan sebagai salah satu sumber kepada pembelajaran pendidikan seksualiti yang melibatkan aktiviti-aktiviti fizikal kepada kanak-kanak. Sementara itu, penjagaan kesihatan juga perlu ditekankan melalui Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS). Kesedaran tentang kesihatan, keselamatan dan pemakanan harus diterapkan sejak awal sehingga dapat menjadi amalan dalam kehidupan seharian kanak-kanak. Oleh itu proses mendidik dan mengasuh kanak-kanak perlu mengambil kira aspek perkembangan fizikal terlebih dahulu (Charlesworth, Jordan & Charlesworth, 2014).

Seorang kanak-kanak tidak akan dapat berkembang dengan baik sekiranya aspek ini diabaikan.

1.3 Pernyataan Masalah

Pendidikan seks dikatakan lebih menumpukan pada aspek keselamatan pembiakan, perlindungan dan fizikal (Ang & Lee, 2016). Kontroversi mengenai pendidikan seksualiti banyak membincangkan mengenai perkataan 'seks' itu sendiri. Perkataan seks dikaitkan dengan aspek biologi, sosial dan psikologi (Amir Hassan Dawi, 2009). Kepentingan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) sehingga diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak 1989 di sekolah menengah dan 1994 di sekolah rendah serta 2017 di prasekolah dan tadika di seluruh negara. PEERS diajar melalui kurikulum Pendidikan Kesihatan. PEERS adalah proses sepanjang hayat untuk memperoleh pengetahuan dan membentuk sikap, nilai dan kepercayaan terhadap identiti, hubungan dan keakraban sesama manusia. PEERS tidak hanya terhad kepada masalah seksual atau hubungan seksual sahaja. PEERS merangkumi pengetahuan dari aspek biologi, sosio-budaya, psikologi dan kerohanian terhadap amalan tingkah laku sihat dalam kehidupan. Kementerian Pendidikan dalam usaha untuk mengubah pendidikan negara bertujuan untuk melengkapkan setiap pelajar di negara ini dengan semua kemahiran baru sesuai dengan keperluan mereka serta menangani cabaran abad ke-21. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (KPM, 2013) yang juga diperkenalkan juga menggariskan strategi untuk mendorong transformasi ini meliputi semua peringkat persekolahan termasuk prasekolah.

Pada bahagian ini, pernyataan masalah dapat dilihat dari pelbagai sudut. Antara masalah yang dapat diuraikan adalah dari segi masalah semasa pendidikan seksualiti kanak-kanak prasekolah yang terbahagi kepada aspek keselamatan anak di rumah dan juga di sekolah, jenis kemahiran dan kebolehan pelajar untuk menguasai pendidikan seksualiti, kelemahan dalam pelaksanaan kurikulum yang ada, kelemahan dari segi kandungan utama dalam pengajaran pendidikan seksualiti, ketiadaan latihan seni mempertahankan diri pada kanak-kanak prasekolah, ketiadaan bahan pengajaran pendidikan seksualiti khusus mengenai keselamatan diri dan, kekurangan atau ketiadaan penyelidikan tempatan mengenai seksualiti pendidikan untuk pelajar prasekolah semuanya mengetengahkan masalah kajian ini.

Apabila menyentuh soal keselamatan kanak-kanak, menurut buku Panduan Kesihatan dan keselamatan kanak-kanak (Zainun Ishak, 2006) keselamatan adalah merujuk kepada melindungi individu agar sentiasa berasa selamat, memberi perlindungan agar hidup sejahtera dan melindungi sesuatu yang merbahaya. Keselamatan seksual kanak-kanak pula adalah berkaitan dengan tanggungjawab untuk menghargai tubuh badan sendiri, berinteraksi dengan kedua-dua gender (pemahaman tentang jantina lelaki dan perempuan), kemahiran untuk meluahkan kasih sayang dengan cara yang sewajarnya (hubungan kekeluargaan), mengelakkan eksploitasi dalam persahabatan (rakan sebaya), mengenalpasti nilai, bertanggungjawab dengan perlakuan sendiri, berkomunikasi dengan cara yang berkesan, mempunyai daya ingin tahu yang kuat tentang isu yang berkaitan dengan seksual, mempunyai daya komunikasi dan berusaha mengehadkan seksual, memilih tentang peribadi yang betul dan bertindak berdasarkan nilai.



Manakala menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO, 2019) menunjukkan bahawa kesihatan seksual adalah keadaan kesejahteraan fizikal, emosi, mental dan sosial berhubung dengan seksualiti; ia bukan sekadar ketiadaan penyakit, disfungsi atau kelemahan. Kesihatan seksual memerlukan pendekatan positif dan hormat terhadap seksualiti dan hubungan seksual, serta kemungkinan mempunyai kesenangan dan keselamatan pengalaman seksual, bebas dari paksaan, diskriminasi dan keganasan.

Walaupun guru dan ibubapa berpersepsi positif terhadap keperluan pendidikan seksualiti, namun mereka kurang yakin terhadap diri dan kurikulum sedia ada dalam menyampaikan pendidikan seksualiti kepada murid-murid (Ang & Lee, 2016). Pada asasnya, ibubapa dan pengasuh mempunyai peranan yang penting kepada anak-anak sebagai pendidik dalam seksualiti. Walau bagaimanapun, ada sebilangan faktor, termasuk kekurangan pengetahuan, kemahiran, atau keselesaan, mungkin menghalang ibubapa atau penjaga untuk memenuhi peranan itu (Breuner & Mattson, 2016).

Pusat asuhan kanak-kanak, sekolah, institusi, media, dan guru prasekolah adalah sumber yang menjadi panduan kepada ibubapa dengan memberi latihan, bahan, pemahaman, dan juga dorongan. Oleh itu satu analisis perlu dilaksanakan untuk melihat situasi semasa yang berlaku kepada pendidikan seksualiti kanak-kanak dari aspek keselamatan di rumah dan juga di sekolah agar dapat menentukan pendidikan seksualiti yang bagaimanakah yang bersesuaian dengan cabaran jenayah seksualiti kanak-kanak pada masa kini. Ini dapat dibuktikan daripada statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan sebanyak 5,779 kes penderaan seksual kanak-kanak direkodkan dari 2010 hingga 2015 dengan purata kes sebanyak 963 kes setahun (Online BH, 2017). Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula merekodkan 2,759 kes rogol, 412 kes





sumbang mahram, 1,423 kes mencabul kehormatan dan 422 kes luar tabii membabitkan mangsa di bawah 18 tahun bagi tempoh 2015 dan 2016. Hasil daripada laporan kes-kes tersebut menunjukkan bahawa masyarakat malaysia terutamanya para ibubapa dan guru-guru masih tidak sedar tentang punca permasalahan ini berlaku yang pastinya ianya berkaitan tentang isu keselamatan di rumah dan juga di sekolah.

Cabaran utama dalam pelaksanaan pendidikan seksualiti di Malaysia adalah ketidaksepakatan mengenai silibus pendidikan seksualiti. Pendidikan seksualiti bertujuan untuk lebih memahami organ seks dan hal-hal yang berkaitan dengan seksualiti iaitu mengenai anatomi organ pembiakan, fizikal aspek berkaitan dengan akil baligh dan pencegahan STD/AIDs (Ismail & Abd Hamid, 2016). Walau bagaimanapun, didapati sukatan pelajaran itu adalah masih tidak lengkap serta tidak bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak prasekolah, oleh itu ianya memerlukan semakan lanjut. Salah satu masalah atau topik yang tidak terdapat dalam pendidikan seksualiti tersebut ialah penjelasan menyeluruh mengenai hubungan seks; di mana, bila dan sesiapa yang mempunyai hubungan seksual persetubuhan, langkah pencegahan jenayah seksual, langkah mempertahankan diri dan keselamatan diri agar terhindar dari menjadi mangsa jenayah seksual dan implikasi hubungan yang baik terhadap mereka yang dikenali termasuk keluarga, pengasuh, jiran dan rakan sebaya. Oleh itu, dapat diandaikan bahawa sukatan pelajaran di sekolah hanya mengikis permukaan, kerana ia memberi tumpuan kepada segi saintifik pembiakan, dan kanak-kanak tidak diberi pendedahan yang lebih mendalam mengenai pendidikan seksual yang bercirikan keselamatan diri serta perhubungan antara keluarga, pengasuh, jiran dan rakan sebaya.



Di peringkat prasekolah, Dokumen Standard Prasekolah Kebangsaan (DKSPK, 2017) telah menyenaraikan standard pembelajaran PEERS yang dimasukkan ke dalam Tunjang Perkembangan Fizikal dan Penjagaan Kesihatan (FK). Berdasarkan isu pendidikan seksualiti yang dibincangkan, liputan elemen seksualiti dalam kurikulum DSPK 2017 didapati tidak menyeluruh kepada permasalahan jenayah seksual yang berlaku kepada kanak-kanak pada masa kini. Oleh itu, kewujudan satu Modul Pendidikan Seksualiti yang berasaskan latihan mempertahankan diri perlu kepada kanak-kanak prasekolah dan ini bersesuaian dengan pandangan (Sam & Abdullah, 2017) yang menyatakan bahawa penggunaan modul dalam pendidikan dapat mengembangkan kemahiran berfikir tahap tinggi (KBAT). Beliau juga telah membuktikan bahawa penggunaan modul adalah kaedah yang berkesan dalam menyampaikan sesuatu pengajaran sama ada dari segi pendidikan mahu pun aspek kehidupan yang lain.

Permasalahan kajian yang seterusnya adalah berkaitan dengan jenis kemahiran dan kandungan utama pengajaran pendidikan seksualiti yang bersesuaian dengan cabaran peningkatan jenayah seksual yang berlaku kepada kanak-kanak pada masa kini. Satu modul pendidikan seksualiti yang perlu diwujudkan seharusnya dapat memperincikan tentang keselamatan diri dari segi sosial, emosi, jasmani dan teori serta praktikal. Modul pengajaran seksual yang seumpama ini perlu dibangunkan adalah untuk menjaga keselamatan kanak-kanak daripada penderaan seksual. Ini selaras dengan pandangan Dale, Shanley, Zimmer-Gembeck, Lines, Pickering dan Whit (2016) yang berpandangan bahawa dimensi pengajaran seksualiti kanak-kanak perlu diubah daripada pengajaran tradisonal kepada pengajaran yang baru (Dale et al, 2016). Perkara ini telah dibincangkan oleh Robinson dan Davies (2017) yang berpendapat bahawa



peranan sekolah dan rumah dalam pendidikan seksualiti kanak-kanak untuk memahami pendidikan seksualiti yang menyeluruh serta mempunyai kesinambungan. Rumah dikenal pasti sebagai sumber utama atau 'tempat pertama' bagi kanak-kanak untuk belajar mengenai kepercayaan, cinta, kasih sayang, anggota tubuh badan, kebogelan, privasi, tandas dan nilai dan sikap. Manakala sekolah pula dilihat sebagai laman web untuk 'mempelajari peraturan dan sebagai lanjutan pembelajaran pendidikan seksualiti yang melibatkan rakan-rakan, guru serta pihak pentadbiran sekolah (Robinson & Davies, 2017).

Melalui penggunaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH), beberapa jenis kemahiran seperti melihat, mendengar, bertutur atau menceritakan semula, mewarna, menyanyi serta melakukan pergerakan dapat dikenalpasti sebagai salah satu kaedah yang baik kepada para guru untuk melaksanakan sesuatu aktiviti pembelajaran di dalam atau di luar kelas. Kenyataan ini bersesuaian dengan pandangan Suppiah Nachiappan, Subashini Santhrasaygran, Hari Krishnan Andi dan Zulkafaly (2012) yang melaksanakan kajian penggunaan Rancangan pengajaran harian (RPH) untuk meneliti keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam meningkatkan kognisi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah (Suppiah Nachiappan et al., 2012). Tambahan lagi dalam sesuatu pengajaran yang akan digunakan di dalam modul, perkara-perkara yang perlu dititiberatkan dalam pembentukan sesuatu modul untuk pembelajaran kanak-kanak prasekolah perlulah mengandungi pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan dan mengambil kira keupayaan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial kanak-kanak. Modul yang dibangunkan perlu mengambil kira cadangan dan spesifikasi seperti mudah didapati, menerangkan cara menyediakan bahan bantu mengajar dan menerangkan cara aktiviti yang dilakukan. Hasil tinjauan analisis





keperluan modul oleh kajian (Ali et al., 2015) juga menambah, dalam pengajaran modul perlu diperincikan dengan contoh rancangan harian, cadangan aktiviti permainan dan penjelasan tentang jenis permainan. Menurut kajian tersebut, antara aspek yang perlu dinyatakan ialah mestilah menyeronokkan dan memotivasikan murid, menyatakan objektif pembelajaran, mencadangkan tempoh pelaksanaan yang fleksibel, memperincikan langkah, mempunyai langkah pelaksanaan, mencadangkan kaedah dan teknik bersesuaian, mencadangkan bahan permainan yang bersesuaian, menggabungkan permainan bebas dengan permainan yang dibimbing, mempunyai lembaran kerja untuk murid, menggunakan bahasa yang mudah dan bersesuaian dengan keupayaan murid, terdapat kepelbagaian serta pembangunan modul itu juga perlu disusun daripada mudah ke sukar. Modul yang dihasilkan juga perlu menggunakan bahan bacaan, kad imbasan, buku-buku, peralatan sebagai satu set bahan untuk melaksanakan aktiviti (Moloney & Pelehach, 2014) kerana dengan set atau bahan aktiviti yang dicipta itu dapat memberi manfaat kepada peningkatan ilmu pendidikan seksual kanak-kanak.

Antara kebolehan dan keupayaan kanak-kanak bagi menjayakan transformasi pendidikan seksualiti terkini yang juga perlu diberi perhatian ialah kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, penyelesaian masalah, peningkatan dalam ilmu seksualiti, kepekaan kanak-kanak dengan isu jenayah seksual serta kemahiran menjaga keselamatan diri. Pernyataan ini adalah bersesuaian dengan Laporan Tahunan Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) (Laporan Tahunan BPK 2018) yang menekankan tentang kemenjadian murid melalui aktiviti inisiatif KBAT iaitu salah satu elemen yang terdapat di dalam program i-THINK. Program i-THINK bertujuan untuk mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid ke arah menghasilkan murid berfikiran kreatif dan kritis serta inovatif dengan





menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan penyoalan aras tinggi. Penggunaan kemahiran seperti yang dinyatakan tersebut perlulah diambil kira dalam pembangunan modul pendidikan seksualiti. Hal ini tidak wujud di dalam modul PEERS 2017 yang telah diperkenalkan kepada guru prasekolah.

Kewujudan modul yang dibekalkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) hanya digunakan untuk program sehari di prasekolah yang dijalankan serentak satu Malaysia pada 9 Oktober 2017 yang lalu. Modul PEERS tersebut yang mengandungi buku cerita yang bertajuk 'Badan Saya Kepunyaan Saya', lagu serta lirik lagu bertema '*My Body Is Mine*' yang menggunakan bahasa inggeris serta mempunyai melodi dan lirik yang agak sukar dinyanyikan oleh kanak-kanak prasekolah. Modul PEERS ini dikatakan tidak memenuhi keperluan pendidikan seksualiti di kalangan kanak-kanak prasekolah dari sudut penjagaan keselamatan diri. Pembelajaran di dalam Modul PEERS hanyalah secara teori dan dikategorikan sebagai aktiviti yang membosankan kepada kanak-kanak.

Program PEERS sehari ini juga tidak bersesuaian dari segi jumlah masa serta aktiviti yang telah ditetapkan dan gagal dari sudut pengurusan masa. Satu kajian yang bertajuk 'Persepsi Guru Prasekolah Daerah Tanah Merah, Kelantan Terhadap Pelaksanaan Program PEERS Sehari @ Prasekolah' telah dijalankan. Hasil tinjauan tersebut didapati sebanyak 42 peserta (93.3%) yang bersetuju bahawa Program PEERS yang dijalankan dalam masa sehari tidak mencukupi dari segi masa dan kesediaan guru untuk mengajar mengikut Modul PEERS yang disediakan. Manakala sebanyak 39 peserta (86.6%) yang bersetuju bahawa Program PEERS yang dijalankan dalam masa sehari tidak dapat memberi kefahaman yang baik kepada murid-murid prasekolah.



Keseluruhan kajian mendapati sebanyak 37 peserta (82.3%) bersetuju bahawa program PEERS Sehari @ Prasekolah yang dijalankan adalah sangat singkat tempoh masanya dan menyukarkan para guru untuk membuat persediaan mengajar yang lebih sempurna kepada murid-murid prasekolah (Eshak & Zain, 2019).

Umumnya, sumber utama kepada pendidikan seksualiti yang mempunyai elemen-elemen menjaga keselamatan diri bagi kanak-kanak prasekolah adalah berkait rapat dengan peranan ibubapa di rumah, namun penglibatan guru di sekolah juga memainkan peranan yang amat penting. Bagi ibubapa yang peka dengan keselamatan anak-anak akan menghantar anak-anak mereka ke kelas-kelas Seni Bela diri seperti Karate, Taekwando dan sebagainya, namun untuk para guru, mereka memerlukan persediaan serta peralatan pengajaran bagi melindungi kanak-kanak prasekolah daripada menjadi mangsa jenayah (Oliveira et al., 2019). Ini bermakna selain ibubapa, tanggungjawab guru sebagai pembekal pengetahuan seksualiti tidak dapat dipertikaikan. Ini sesungguhnya benar dalam dunia pendidikan prasekolah hari ini kerana sebahagian besar masa kanak-kanak dihabiskan di sekolah (Veiga et al., 2006). Oleh sebab itu, kajian pembangunan modul Seksualiti PEKASa yang berasaskan Latihan Mempertahankan Diri ini perlu melibatkan ibubapa dan guru prasekolah untuk memperolehi input berguna bagi membolehkan pembangunan modul Seksualiti PEKASa dapat dilaksanakan dengan sewajarnya.

Berdasarkan permasalahan yang dibangkitkan di atas, kajian ini bertujuan untuk merancang dan membina modul yang boleh digunakan oleh guru prasekolah dan ibubapa untuk memberikan pendidikan seksualiti kanak-kanak prasekolah berdasarkan latihan seni mempertahankan diri. Sebelum pembinaan modul, tinjauan mengenai

analisis pendidikan seksualiti perlu dilakukan terlebih dahulu untuk memahami keadaan semasa dari perspektif guru dan ibubapa. Maklumat dari tinjauan ini akan digunakan sebagai salah satu input konkrit untuk merancang Modul Seksualiti PEKASA Berasaskan Latihan Mempertahankan Diri mengikut keperluan acuan kanak-kanak prasekolah hari ini.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

Fasa I: Analisis Keperluan modul Seksualiti PEKASa yang berasaskan latihan mempertahankan diri bagi kanak-kanak prasekolah.

- 1.1 Mengenal pasti masalah semasa pendidikan seksualiti kanak-kanak prasekolah.
- 1.2 Mengenal pasti kemahiran yang perlu dipelajari oleh murid prasekolah dalam modul Seksualiti PEKASa yang berasaskan latihan mempertahankan diri bagi kanak-kanak prasekolah.
- 1.3 Mengenal pasti keperluan membangunkan modul Seksualiti PEKASa yang berasaskan latihan mempertahankan diri bagi kanak-kanak prasekolah.

Fasa II: Reka bentuk dan Pembangunan modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah.

Subfasa Reka Bentuk Komponen Utama dan Elemen Modul:

- 2.1 Mengenal pasti komponen utama yang perlu disertakan dalam membangunkan modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah berdasarkan pandangan pakar.
- 2.2 Mengenal pasti apakah turutan (keutamaan) komponen utama modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah berdasarkan pandangan pakar.
- 2.3 Mengenal pasti elemen-elemen dalam komponen utama modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah berdasarkan pandangan pakar.

Subfasa Reka Bentuk Pembangunan kandungan utama Modul:

- 2.4 Mengenal pasti kandungan utama yang sesuai untuk dimasukkan dalam modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah menurut pandangan pakar.
 - 2.4.1 Mengenal pasti jenis kemahiran dan aktiviti yang perlu ada di dalam Modul Seksualiti PEKASa menurut konsensus pakar.
 - 2.4.2 Mengenal pasti tema yang perlu ada di dalam Modul Seksualiti PEKASa menurut konsensus pakar.
 - 2.4.3 Mengenal pasti jangka masa aktiviti Modul Seksualiti PEKASa menurut konsensus pakar.

2.4.5 Mengenal pasti peralatan/bahan Modul Seksualiti PEKASa menurut konsensus pakar.

2.4.6 Mengenal pasti kandungan utama Modul Pendidikan Seksualiti menurut konsensus pakar.

Fasa III: Penilaian Kebolegunaan modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah .

Menilai kebolegunaan modul Seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah yang dihasilkan dalam mempertingkatkan pengetahuan pendidikan seksualiti mengikut pandangan pakar.

- 3.1 Mengenal pasti pandangan pakar terhadap kesesuaian aktiviti-aktiviti dalam setiap komponen utama modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah.
- 3.2 Mengenal pasti pandangan pakar terhadap kesesuaian tema bagi setiap aktiviti yang terdapat dalam komponen utama dalam modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah.
- 3.3 Mengenal pasti pandangan pakar terhadap kesesuaian standard pembelajaran bagi setiap aktiviti yang terdapat di dalam komponen utama dalam modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah.

- 3.4 Mengenal pasti pandangan pakar terhadap kesesuaian objektif bagi setiap aktiviti yang terdapat di dalam komponen utama dalam modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah.
- 3.5 Mengenal pasti pandangan pakar terhadap kesesuaian jangka masa bagi setiap aktiviti yang terdapat di dalam komponen utama dalam modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah.
- 3.6 Mengenal pasti pandangan pakar terhadap kesesuaian tempat menjalankan aktiviti bagi setiap aktiviti yang terdapat di dalam komponen utama dalam modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah.
- 3.7 Mengenal pasti pandangan pakar terhadap kesesuaian peralatan bagi setiap aktiviti yang terdapat di dalam komponen utama dalam modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah.
- 3.8 Mengenal pasti pandangan pakar terhadap kesesuaian lampiran aktiviti bagi setiap aktiviti yang terdapat di dalam komponen utama dalam modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah.
- 3.9 Mengenal pasti pandangan pakar terhadap proses pelaksanaan aktiviti bagi setiap aktiviti yang terdapat di dalam komponen utama dalam modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah.

- 3.10 Mengenal pasti pandangan pakar terhadap keseluruhan kebolegunaan modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah.
- 3.11 Mengenal pasti pandangan pakar terhadap kesesuaian aktiviti, tema, standard pembelajaran, objektif, jangka masa, tempat perlaksanaan, peralatan, lampiran aktiviti dan proses pelaksanaan aktiviti bagi pemantauan penilaian untuk kebolegunaan modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah.

1.5 Soalan Kajian

 05-4506832     ptbupsi

Bagi memenuhi objektif yang berkenaan, kajian pembangunan ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan-persoalan kajian seperti berikut:

Fasa I: Analisis Keperluan modul Seksualiti PEKASa yang berasaskan latihan mempertahankan diri bagi kanak-kanak prasekolah.

- 1.1 Apakah masalah semasa pendidikan seksualiti kanak-kanak prasekolah?
- 1.2 Apakah kemahiran yang perlu dipelajari oleh murid prasekolah dalam modul Seksualiti PEKASa yang berasaskan latihan mempertahankan diri yang bersesuaian dengan pendidikan seksualiti bagi kanak-kanak prasekolah?

- 1.3 Adakah terdapat keperluan membangunkan modul Seksualiti PEKASa yang berasaskan latihan mempertahankan diri bagi kanak-kanak prasekolah?

Fasa II : Reka bentuk dan Pembangunan modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah.

Subfasa Reka Bentuk Komponen Utama dan Elemen Modul:

- 2.1 Berdasarkan pandangan pakar, apakah komponen utama yang perlu disertakan dalam membangunkan modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah?

- 2.2 Berdasarkan pandangan pakar, apakah turutan (keutamaan) komponen utama modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah?

- 2.3 Apakah elemen-elemen aktiviti latihan mempertahankan diri di bawah komponen utama dalam modul seksualiti PEKASa yang berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah?

Subfasa Reka Bentuk Pembangunan kandungan utama Modul:

- 2.4 Berdasarkan pandangan pakar, apakah kandungan utama yang sesuai untuk dimasukkan dalam modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah?

- 2.4.1 Apakah konsensus pakar terhadap jenis kemahiran dan aktiviti yang perlu ada di dalam Modul Seksualiti PEKASa?

2.4.2 Apakah konsensus pakar terhadap tema yang perlu ada di dalam Modul Seksualiti PEKASa?

2.4.3 Apakah konsensus pakar terhadap jangka masa aktiviti Modul Seksualiti PEKASa?

2.4.5 Apakah konsensus pakar terhadap peralatan / bahan Modul Seksualiti PEKASa?

2.4.6 Apakah konsensus pakar terhadap kandungan utama Modul Pendidikan Seksualiti?

Fasa III: Penilaian Kebolegunaan modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah.

- 3.1 Apakah pandangan pakar terhadap kesesuaian aktiviti-aktiviti dalam setiap komponen utama modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah?
- 3.2 Apakah pandangan pakar terhadap kesesuaian tema bagi setiap aktiviti yang terdapat dalam komponen utama dalam modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah?
- 3.3 Apakah pandangan pakar terhadap kesesuaian standard pembelajaran bagi setiap aktiviti yang terdapat di dalam komponen utama dalam modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah?

- 3.4 Apakah pandangan pakar terhadap kesesuaian objektif bagi setiap aktiviti yang terdapat di dalam komponen utama dalam modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah?
- 3.5 Apakah pandangan pakar terhadap kesesuaian jangka masa bagi setiap aktiviti yang terdapat di dalam komponen utama dalam modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah?
- 3.6 Apakah pandangan pakar terhadap kesesuaian tempat menjalankan aktiviti bagi setiap aktiviti yang terdapat di dalam komponen utama dalam modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah?
- 3.7 Apakah pandangan pakar terhadap kesesuaian peralatan bagi setiap aktiviti yang terdapat di dalam komponen utama dalam modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah?
- 3.8 Apakah pandangan pakar terhadap kesesuaian lampiran aktiviti bagi setiap aktiviti yang terdapat di dalam komponen utama dalam modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah?
- 3.9 Apakah pandangan pakar terhadap kesesuaian proses pelaksanaan aktiviti bagi setiap aktiviti yang terdapat di dalam komponen utama dalam modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah?
- 3.10 Apakah pandangan pakar terhadap kesesuaian bagi pernyataan keseluruhan kebolegunaan modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah?

3.11 Apakah pandangan pakar terhadap kesesuaian aktiviti, tema, standard pembelajaran, objektif, jangka masa, tempat perlaksanaan, peralatan, lampiran aktiviti dan proses pelaksanaan aktiviti bagi pemantauan penilaian untuk kebolehgunaan modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah?

1.6 Kepentingan Kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk membangunkan sebuah modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah. Keperluan modul ini juga adalah berkait rapat dengan Laporan Kajian Soal Selidik kajian yang bertajuk 'Persepsi Guru Prasekolah Daerah Tanah Merah, Kelantan Terhadap Pelaksanaan Program PEERS Sehari @ Prasekolah' (Eshak & Zain, 2019) telah dijalankan. Hasil tinjauan tersebut didapati bahawa secara keseluruhan program PEERS Sehari @ Prasekolah yang dijalankan adalah sangat singkat tempoh masanya dan menyukarkan para guru untuk membuat persediaan mengajar yang lebih sempurna kepada murid-murid prasekolah. Ini berikutan ketiadaan modul pendidikan seksualiti yang berkesan kepada pembelajaran kanak-kanak prasekolah. Oleh itu, terdapat beberapa faktor dan kepentingan untuk membangunkan modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah. Faktor dan kepentingannya adalah seperti berikut:

1. Modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah ini juga boleh diguna pakai sebagai persediaan kepada para guru prasekolah dalam pembelajaran dan pengajaran pendidikan seksualiti kepada kanak-kanak.
2. Modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah ini juga dapat memantapkan ilmu tentang elemen penjagaan keselamatan diri kanak-kanak prasekolah.
3. Modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak prasekolah ini juga akan membuka ruang kepada Bahagian Pembangunan Modul (BPK) dan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam merangka dan merancang proses penerapan kemahiran latihan mempertahankan diri yang lebih berkesan kepada kanak-kanak prasekolah yang mengikuti pembelajaran prasekolah di mana modul ini boleh dijadikan rujukan dan penanda aras (*benchmark*) kepada tadika swasta bagi meningkatkan keselamatan diri kanak-kanak.
4. Modul seksualiti PEKASa yang meliputi elemen kemahiran latihan mempertahankan diri ini juga berupaya menjadi penanda aras bagi setiap program yang akan dianjurkan yang melibatkan Kementerian Pendidikan Malaysia dan agensi swasta yang bertujuan untuk membanteras kegiatan jenayah seksual kepada kanak-kanak.

1.7 Rasional Kajian

Kajian pembangunan modul Seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri dijalankan adalah berdasarkan kepada rasional-rasional seperti berikut:

Pemilihan elemen sistem pendidikan prasekolah (ilmu & nilai) dan elemen penekanan isu masalah jenayah seksual (ilmu mempertahankan diri) kepada kanak-kanak adalah bersandarkan kepada saranan Karimuddin, Syed Ali dan Ahmed (2017); Khamsiah dan Siti Rafiah (2016) yang menyatakan perlunya kemahiran ilmu pendidikan dan pengetahuan pencegahan jenayah seksual kepada kanak-kanak untuk di terapkan ke dalam setiap kurikulum yang dibangunkan disamping elemen jenis kemahiran dan keupayaan untuk pendidikan seksualiti.

Cadangan oleh Balter, van Rhijn dan Davies (2018), perkongsian antara profesional yang bekerja dalam bidang seksual harus diterokai membangunkan kurikulum pendidikan seksualiti untuk awal kanak-kanak. Ini akan bertindak untuk menyokong latihan pembelajaran bagi membantu dalam pembangunan secara holistik dan pada masa yang sama menjelaskan kandungan yang sesuai untuk perkembangan kanak-kanak pada umur yang berbeza.

Manakala itu, di dalam mana-mana sistem pendidikan banyak menekankan tentang nilai (akhlak) yang dapat diperihalkan sebagai suatu sikap dan sifat yang baik tertanam di dalam jiwa setiap manusia (Shuhari & Hamat, 2015). Nilai juga mampu memandu manusia dalam melakukan sesuatu perkara dengan mudah tanpa perlu menggunakan akal kerana ianya sudah menjadi kelaziman (Ibnu Miskawaih, 1398H).



Nilai yang dimaksudkan adalah akhlaq dalam perhubungan di antara ahli keluarga, pengasuh, jiran tetangga serta rakan sebaya. Disamping menerapkan penjagaan keselamatan daripada masalah jenayah seksual (Khamsiah & Siti Rafiah 2016), isu masalah jenayah ini dijangka dapat berkurang daripada jumlah kes yang dilaporkan. Guru prasekolah juga boleh memperkenalkan isu-isu hubungan kasih sayang sesama ahli keluarga, fizikal, kognitif dan pembangunan psikoseksual kepada ibubapa dan kanak-kanak.

Oleh yang demikian pengkaji berpandangan bahawa pernyataan-pernyataan yang dinyatakan menunjukkan bahawa perlu dan pentingnya kedua-dua iaitu pendidikan seksualiti serta penjagaan keselamatan diri bagi memastikan keselamatan kanak-kanak lebih terjamin dari sudut mental dan fizikal.



Manakala itu, rasional elemen pendidikan yang berasaskan aktiviti perkembangan fizikal (Anca, Gideon, Jurgen, Jennifer & Samantha, 2018) merupakan elemen yang paling bersesuaian untuk diterapkan ke dalam kurikulum pendidikan seksualiti. Di samping itu juga, gabungan aktiviti perkembangan fizikal yang bersesuaian dengan nilai dan sosio budaya masyarakat malaysia pula dilihat sebagai pendekatan yang terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran kerana ia merupakan satu pembelajaran yang aktif (Douglas & Chiu, 2012). Sarjana-sarjana terdahulu telah mengiktiraf pendekatan perkembangan fizikal sebagai pendekatan pengajaran yang sangat baik dengan melibatkan pelajar dalam pembelajaran '*hands on*' dan menjadikan pembelajaran lebih bermakna; (Haberland, 2015). Oleh yang demikian, pengkaji berpandangan bahawa rasional pemilihan pendekatan aktiviti perkembangan fizikal adalah bertepatan berdasarkan kepada hujah-hujah yang dinyatakan dan pengkaji





berpendapat bahawa pendekatan aktiviti perkembangan fizikal adalah cara terbaik bagi menerapkan elemen keselamatan dan penjagaan diri kanak-kanak.

Sebagai kesimpulannya, kajian ini bertujuan menghasilkan modul Pendidikan Seksualiti yang berasaskan Latihan Mempertahankan Diri melalui elemen-elemen aktiviti fizikal serta kemahiran latihan mempertahankan diri yang dapat membantu keberhasilan pendidikan seksualiti kepada kanak-kanak prasekolah.

Selain itu, dapatan kajian ini turut menyumbang maklumat tentang isu-isu yang harus dipertimbangkan apabila menerapkan elemen penjagaan keselamatan diri atau ilmu seni mempertahankan diri berpandukan kesepakatan pakar.



1.8 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori kajian ini yang dibina hasil tinjauan literatur berkaitan pendidikan seksualiti, model-model pendidikan seksualiti, teori pengajaran dan pembelajaran, serta model-model pedagogi yang digunakan dalam kajian. Kerangka teori untuk kajian ini merupakan gabungan teori serta model berikut:

- (i) Teori yang mendasari pendidikan kesihatan seksualiti iaitu Teori Psikoseksual Sigmund Freud (konsep struktur personaliti) dan Teori Keperluan Maslow (1943).
- (ii) Model Kurikulum TABA (1962), merupakan model yang digunakan dalam Fasa Analisis keperluan.



- (iii) Model Fitts dan Posner (1972), digunakan di dalam Fasa Analisis keperluan
- (iv) Model Kitaran Seksualiti (Dailey Dennis, 1997), bagi Fasa Rekabentuk & Pembangunan.
- (v) Model Latihan SIM (Milano & Ullius, 1998), bagi Fasa Rekabentuk & Pembangunan.
- (vi) Model Penilaian CIPP (Daniel Stufflebeam, 1983), bagi Fasa Penilaian Kebolegunaan.

Konsep penting di dalam teori psikoseksual Freud ialah konsep struktur personaliti yang terbahagi kepada id, ego dan superego. Id memang sedia ada ketika lahir yang merupakan bahagian personaliti tidak sedar berkaitan dengan kepuasan keperluan yang dikawal oleh keseronokan dan mengelakkan diri daripada kesakitan.

Pada peringkat id, bayi amat rapat dengan kehadiran ibu dan akan menangis sekiranya ditinggalkan. Id didorong oleh libido (nafsu seks) yang merupakan tempat menyimpan desakan asas keinginan manusia. Segala keperluan perlu dipenuhi pada ketika ini seperti keperluan untuk minum susu, makan, tidur, keselesaan lampin dan sebagainya. Proses pendidikan secara formal tidak dapat dilaksanakan atas faktor tiada kematangan berfikir oleh bayi yang masih kecil.

Manakala Ego pula bertindak mengawal keinginan Id agar tidak melanggar nilai dan norma masyarakat. Tahap ini kanak-kanak telah berada di alam persekolahan informal. Kanak-kanak diajar supaya berdisiplin dan mengikut peraturan di dalam kelas. Mereka dapat mengawal diri daripada melakukan kesalahan di dalam kelas. Tambahan lagi kehadiran Superego iaitu kata hati atau penapis yang mewakili pengawal sosial bagi struktur psikik ataupun merupakan bahagian personaliti yang



bermoral. Tahap Superego ini adalah tahap terpenting di mana segala pembelajaran akan diperolehi dalam institusi sekolah. Perhubungan sosial juga semakin luas. Komunikasi sosial yang asalnya hanya di sekitar ahli keluarga, kemudiannya berkembang kepada komunikasi dengan pengasuh, jiran-jiran, rakan sebaya dan guru-guru di sekolah. Bahagian ini berkembang secara beransur-ansur ketika kanak-kanak menghayati moral (Frosh, 2019). Dengan mengawal keinginan Id, pendidikan seksualiti dapat diadaptasi ke dalam pembelajaran kanak-kanak. Kerjasama antara ibubapa dan guru amat penting bagi memastikan pengajaran pendidikan seksual bukan sahaja dapat diaplikasikan secara teori tetapi juga secara praktikal.

Freud juga membahagikan proses perkembangan kanak-kanak terdiri daripada peringkat yang telah ditentukan menurut beberapa urutan iaitu peringkat oral (0-18 bulan), peringkat anal/dubur (2 – 4 tahun), peringkat falik/kubul (4 – 6 tahun), peringkat pendalaman (6 – 12 tahun) dan peringkat kejantinan (2 tahun ke atas). Kajian ini akan menumpukan kepada kanak-kanak yang berada di peringkat falik/kubul iaitu pada peringkat ini adalah peringkat umur kanak-kanak prasekolah. Pada peringkat ini kanak-kanak boleh menguasai beberapa jenis kemahiran dan pengetahuan seperti yang terdapat di dalam KSPK. Pembelajaran tersebut adalah berasaskan beberapa tunjang iaitu tunjang komunikasi, tunjang perkembangan fizikal dan penjagaan kesihatan, tunjang kerohanian sikap dan nilai, tunjang keterampilan diri, tunjang kreativiti dan estetika, tunjang sains dan teknologi serta tunjang kemanusiaan.



Merujuk kepada Teori Keperluan Maslow, keperluan pelajar merangkumi keperluan asas keselamatan, cinta, harga diri dan kesempurnaan diri. Keperluan dan kehendak pelajar perlu dipenuhi untuk memastikan konsep sendiri positif sesuai dengan apa yang terkandung dalam kurikulum yang akan dirancang. Menurut Ozguner dan Ozguner (2014) tahap keperluan motivasi Maslow dipenuhi melalui tiga jenis penghargaan; pertama, tahap pencapaian diri tertinggi dapat dicapai sepenuhnya melalui penghargaan intrinsik seperti penghargaan sosial, penghargaan, anugerah berprestij, pujian sosial dengan nama baik dan seumpamanya; yang kedua adalah bahawa pada tahap memenuhi keperluan untuk menghargai diri, ia diperoleh dari penghargaan intrinsik dan ekstrinsik; ketiga, pada tahap keperluan sosial hingga keperluan fisiologi, ia diperoleh melalui ganjaran yang bersifat ekstrinsik sahaja. Pembinaan modul pendidikan seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahanan

Diri akan merujuk kepada Teori Pembangunan Maslow di mana keperluan asas keselamatan berada di bawah topik keselamatan diri. Manakala keperluan kepada kasih sayang adalah topik yang menggambarkan hubungan sihat antara ahli keluarga, pengasuh, rakan sebaya dan jiran kepada kanak-kanak. Tahap ini dapat dipenuhi sekiranya syarat keselamatan dapat dipenuhi terlebih dahulu.

Seterusnya, model kurikulum yang digunakan dalam kajian ini adalah Model Kurikulum Taba (1962) yang menggunakan pendekatan teknikal saintifik dan mengambil pendekatan induktif untuk membina kurikulum yang sesuai dengan keperluan masyarakat. Kurikulum yang dirancang dihasilkan oleh guru sendiri dan bukan oleh peringkat atasan. Ini kerana Taba percaya bahawa kurikulum harus dirancang oleh guru dan bukan oleh pihak berkepentingan atau pihak atasan. Pendekatan induktif digunakan dalam pengembangan kurikulum dari yang khusus ke

reka bentuk yang lebih umum. Modul ini menggunakan tujuh langkah untuk membina kurikulum seperti yang digariskan oleh Taba (1962), dalam Alias et al. (2013):

Langkah 1:

- Diagnosis keperluan pelajar.

Guru atau penyelidik memulakan proses dengan mengenal pasti keperluan pelajar yang menjadi sasaran kurikulum yang dirancang.

- Membentuk objektif.

Setelah guru dapat mengenal pasti masalah dan keperluan pelajar, guru harus menyatakan objektif yang ingin dicapai.

Objektif yang dipilih akan memberikan panduan mengenai pengisian kurikulum. Bukan sahaja objektif dan kandungan harus sesuai tetapi juga kesahihan dan kepentingan isi yang dipilih juga harus ditentukan.

- Susun kandungan.

Kandungan kurikulum harus disusun mengikut urutan tertentu dengan mengambil kira kematangan, pencapaian akademik dan minat pelajar.

- Memilih pengalaman belajar.

Tahap ini melibatkan pemilihan kaedah pengajaran yang dapat menyampaikan isi dengan berkesan.

- Mengatur aktiviti pembelajaran.

Organisasi aktiviti pembelajaran biasanya ditentukan oleh isi yang akan disampaikan.

- Tentukan apa yang sedang dinilai.

Perancang kurikulum harus menentukan objektif yang dicapai pada tahap ini. Kaedah penilaian kurikulum perlu dipertimbangkan oleh guru atau penyelidik.

Langkah 2: Cuba unit yang dihasilkan.

Langkah 3: Ulangi pelajaran dan buat penambahbaikan.

Langkah 4: Mengkaji skop dan urutan program.

Langkah 5: Gunakan dan menyebarkan hasil pembelajaran.

Dalam konteks kajian ini, penyelidik menggunakan Modul Seksualiti PEKASa sebagai media pembelajaran pendidikan kesihatan seksualiti kepada kanak-kanak prasekolah. Walaupun modul ini adalah untuk kanak-kanak prasekolah, ia akan digunakan oleh guru dan ibubapa prasekolah sebagai mentor atau fasilitator kepada kanak-kanak untuk mereka mempelajari pendidikan seksualiti berasaskan latihan seni mempertahankan diri. Model Taba digunakan dalam kajian analisis keperluan Tahap 1 di mana Langkah 1 yang terdapat dalam Model Kurikulum ini disepadukan.

Antara urutan proses pembinaan kurikulum seperti yang disarankan oleh Taba (1962) yang pertama adalah untuk mendiagnosis keperluan pelajar, membentuk objektif, memilih isi, menyusun kandungan, memilih pengalaman pembelajaran, mengatur aktiviti pembelajaran dan menentukan apa yang dinilai (Taba & Krull, 2003).

Model yang seterusnya yang akan digunakan dalam kajian bagi pembangunan serta pengumpulan maklumat-maklumat dalam Latihan mempertahankan diri ialah Model Fitts dan Posner (1972). Kajian ini menggunakan model Fitts dan Posner sebagai kerangka untuk menggambarkan kemajuan semasa dalam pembelajaran motor. Menurut Fitts dan Posner, tahap pertama pembelajaran, yang dikenal sebagai tahap kognitif, ditandai dengan "intelektualisasi" tugas. Intelektualisasi ini merangkumi mempelajari pentingnya isyarat, tindak balas, dan peristiwa yang diperlukan untuk kejayaan tugas. Tahap kognitif pada dasarnya adalah kebiasaan lama yang disatukan dengan cara baru dan ditambah dengan beberapa kebiasaan baru. Tahap kedua dari model Fitts dan Posner dikenali sebagai tahap bersekutu kerana ia adalah tahap di mana aspek persepsi dan motor tugas dikaitkan. Selama tahap ini, pergeseran corak pengaktifan dari *cerebellum* ke kawasan persatuan *parietotemporal* dan *occipitotemporal* dapat menyokong penghapusan kesalahan prestasi secara beransur-ansur. Kebanyakan pengkaji menggunakan model ini untuk meningkatkan kemampuan pembelajaran dalam sesuatu aktiviti yang ingin dilaksanakan. Fitts dan Posner mencadangkan pembelajaran kemahiran motor dengan menampilkan tiga tahap ketika memperoleh kemahiran motor baru iaitu tahap kognitif, asosiatif, dan autonomi. Dalam fasa kognitif, pelajar membina komponen-komponen kemahiran dan secara sedar melakukan pembelajaran secara perlahan-lahan (Kent, 2006). Walaupun murid akan melakukan banyak kesalahan, namun ianya merupakan sebagai salah satu daripada

tanda memperoleh konsisten untuk mempelajari pembelajaran tersebut. Dan akhirnya perkembangan akan menjadi lebih pantas, lebih tepat, dan konsisten dalam fasa permulaan tersebut.

Manakala di dalam fasa autonomi, kemahiran menjadi satu kebiasaan, kerana ianya dilaksanakan secara tidak sedar dengan kefasihan, ketepatan dan ketekalan prestasi. Model pembelajaran motor Fitts dan Posner membuktikan bahawa jika seseorang itu dilatih dengan latihan yang disengajakan, maka mereka akan maju untuk melalui ke peringkat fasa keupayaan motor autonomi.

Pandangan ini disokong oleh (Bugdadi, 2018) yang mengatakan dalam kajiannya bahawa model motor Fitts dan Posner adalah selaras dengan konsep pembelajaran secara automatik atau pembelajaran yang tidak disengajakan ini menjadi semakin bertambah baik setelah menamatkan latihan residensi. Pembelajaran ini banyak membantu dalam mencapai konsistensi dalam pembedahan otak menurut kajian beliau. Ini juga disokong oleh Lindquist dan Guadagnoli (2008) yang mengatakan bahawa pembelajaran kemahiran motor adalah penting dari perspektif teori dan pengaplikasian.

Menurut Lindquist lagi kemajuan dari tahap asosiatif ke tahap pembelajaran autonomi telah wujud secara operasional yang boleh ditakrifkan sebagai kemampuan untuk melakukan kemahiran secara mandiri beserta dengan usaha kognitif. Bersesuaian dengan kajian ini, murid-murid digalakkan untuk menggunakan kemahiran kognitif terlebih dahulu sebelum beralih kepada pembelajaran yang lebih tinggi iaitu aktiviti fizikal yang lebih mencabar. Cabaran yang dimaksudkan ini ialah kemahiran-kemahiran yang boleh menggalakan murid berfikir dahulu sebelum bertindak. Sebagai



contoh, sekiranya kanak-kanak melihat sesuatu yang mencurigakan daripada perlakuan dan tingkah laku orang lain, mereka perlu berfikir bagaimana untuk mempertahankan diri atau melepaskan diri. Penggunaan Model Fitts dan Posner ini akan dikupas lebih dalam lagi di dalam bab dua.

Model Latihan SIM juga digunakan dalam membangunkan Modul Seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri. Model SIM adalah singkatan daripada *Sequential Interactive Model* di mana ia adalah model yang digunakan sebagai dasar bagi membentuk sesebuah latihan yang ingin diimplementasikan. Ia adalah berkonsepkan kepada lima komponen utama yang diperlukan dalam sesebuah latihan iaitu matlamat dan objektif, kata kunci iaitu melibatkan kandungan yang hendak dilatih, aliran latihan, bahan bantu latihan dan penilaian latihan (Milano & Ullius, 1998).

Pemilihan model SIM dalam kajian ini sangat menepati ciri-ciri pembentukan modul yang ingin dibangunkan iaitu berbentuk latihan mempertahankan diri (Russel, 1999). Penggunaan Model SIM juga pernah dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji yang lain seperti di dalam kajian Ridhuan (2016) yang telah berjaya membangunkan model Latihan Skives kepada pensyarah bagi meningkat kefahaman pelajar-pelajar.

Selain penggunaan Model SIM, Model Kitaran Seksualiti juga digunakan dalam fasa reka bentuk modul. Model ini diaplikasikan untuk memahami pelbagai komponen dan elemen-elemen seksualiti yang dibangunkan oleh Dennis Dailey. Model ini menggambarkan seksualiti sebagai mempunyai lima komponen utama: seksual, identiti, kesihatan dan pembiakan, keintiman, dan keghairahan. Setiap komponen terdiri daripada beberapa subtopik yang berkaitan dengan ciri-cirinya dan pengaruh pada seksualiti manusia (Dalley, 2012).



Terdapat satu lagi model yang digunakan khas untuk proses penilaian. Model ini diaplikasikan dalam fasa terakhir kajian iaitu fasa penilaian. Pengkaji menggunakan Model Penilaian CIPP atau yang bermaksud *Context, Input, Process and Product* yang dapat menilai sesuatu program pembelajaran yang dihasilkan. Penggunaan keempat-empat aspek tersebut iaitu dari segi konteks, input, proses serta produk memainkan peranan dalam memastikan keberhasilan produk (Abd Rahim & Daud, 2014). Konteks yang dimaksudkan ialah dari sudut pendidikan seksual kepada kanak-kanak yang perlu diberi keutamaan sebelum penilaian dijalankan. Adakah produk ini sesuai dengan perkembangan kanak-kanak? Bagaimana input atau sumber maklumat untuk menghasilkan modul pendidikan seksual yang berasaskan latihan mempertahankan diri? Bagaimana proses perjalanan modul ini diajar? Serta bagaimanakah produk/modul yang dihasilkan ini memberikan impak kepada peningkatan ilmu kepada kanak-kanak? Segala persoalan ini bakal terjawab apabila proses fasa penilaian yang terakhir dilaksanakan. Bab dua akan menerangkan lebih lanjut tentang penggunaan model penilaian CIPP ini.


Ringkasnya, kajian ini menggabungkan teori psikoseksual Freud, Teori Keperluan Maslow, Model Kurikulum TABA (1962), Model Fitts dan Posner (1972), Model Kitaran Seksualiti (*Dennis Dailey*), Model Latihan Sim dan Model Penilaian CIPP yang membentuk satu kerangka teori kajian yang khusus digunakan dalam mereka bentuk dan membangunkan modul PEKASa.



Justeru melalui pemilihan teori-teori yang mendasari kajian ini, ia diharap dapat membantu meningkatkan kefahaman pendidikan kesihatan seksualiti kepada kanak-kanak dalam pendidikan dan seterusnya mengatasi masalah jenayah seksual dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka teori kajian yang digunakan dalam Pembangunan Modul Seksualiti PEKASa Berasaskan Latihan Mempertahankan Diri kepada Kanak-kanak Prasekolah.





Rajah 1.1. Kerangka Teori


Pembinaan kerangka teori ini didasarkan pada kerangka kajian reka bentuk dan pembangunan (*Research Development*) yang menggabungkan konsep penting dalam teori dan model yang berkaitan, pembangunan pengajaran dan pembelajaran.



1.9 Kerangka Kajian

Fokus kajian ini adalah untuk membangunkan modul seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri untuk kanak-kanak prasekolah serta untuk melihat kesesuaiannya dalam konteks pendidikan kanak-kanak prasekolah. Pembinaan modul Seksualiti PEKASa ini akan melibatkan beberapa fasa iaitu fasa I: analisis keperluan; fasa II: reka bentuk dan pembangunan modul dan fasa III: penilaian kebolehgunaan modul. Pembangunan modul ini adalah dengan menggunakan teknik *Fuzzy Delphi* (FDM). Sementara itu, untuk fasa penilaian, Teknik NGT (*Nominal Group Technique*) akan digunakan. Secara ringkasnya kerangka kerja kajian ini dapat diterangkan melalui Rajah 1.2.





Rajah 1.2. Kerangka kajian

1.10 Limitasi Kajian

Penyelidikan yang dijalankan ini tertakluk kepada beberapa limitasi kajian seperti berikut:

1. Kajian ini bertujuan untuk mereka bentuk, membangunkan Modul Seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi Kanak-kanak Prasekolah dan seterusnya untuk melihat kesesuaiannya dalam

konteks pendidikan kanak-kanak prasekolah. Kajian ini merupakan kajian penyelidikan reka bentuk dan pembangunan, maka penyelidikan hanya memberi tumpuan kepada proses reka bentuk dan pembangunan modul.

2. Kajian ini juga hanya berfokus kepada kanak-kanak prasekolah sahaja. Maka dapatan kajian tidak boleh dibuat generalisasi kepada lain-lain program pendidikan yang lain.
3. Kajian ini sangat bergantung kepada kerjasama serta sumbangan idea para peserta (kumpulan pakar). Keesahan dapatan kajian sangat bergantung kepada tahap kerjasama, komitmen serta kesungguhan yang diberikan semasa teknik pungutan data secara tinjauan, temubual separa struktur, dan teknik *Fuzzy Delphi* (FDM) dalam proses pembangunan modul.
4. Penilaian modul dijalankan dalam kalangan pakar-pakar yang terlibat iaitu guru-guru prasekolah dan ibubapa dalam pendidikan kanak-kanak prasekolah yang dilantik dan menggunakan proses penilaian kebolegunaannya dengan menggunakan pendekatan NGT (*Nominal Group Technique*).
5. Modul Seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi kanak-kanak Prasekolah yang dibangunkan ini hanya menggabungkan dua teori yang mendasari kajian serta beberapa model yang menyokong kepada pendidikan kesihatan seksualiti dan latihan mempertahankan diri.



1.11 Definisi Operasi

Beberapa istilah telah diguna pakai dalam kajian ini dan akan diterangkan dari segi definisi operasinya bagi menjelaskan makna istilah dalam penyelidikan yang dijalankan. Penerangan makna istilah tersebut adalah seperti berikut:

1.11.1 Modul

Pembangunan Modul

Modul ialah pakej pengajaran meningkatkan penguasaan pengetahuan dan kemahiran (Kok & Akyuz, 2015). Modul menyediakan latihan perkembangan untuk meningkatkan kecekapan atau kemahiran ibubapa dan murid untuk meningkatkan sesuatu ilmu yang hendak dipelajari (Pop & Rusu, 2015). Modul Seksualiti PEKAsa merupakan satu bahan pengajaran yang telah dibahagikan kepada beberapa subtopik tertentu dan susunan setiap subtopik tersebut mempunyai perkaitan atau kesinambungan antara satu sama lain. Ia adalah berupa bahan kursus (mata pelajaran, latihan dan lain-lain) yang dilaksanakan secara tersendiri untuk mencapai sesuatu kemahiran. Kajian ini bertujuan membangunkan modul pendidikan seksualiti yang berasaskan latihan mempertahankan diri khusus kepada kanak-kanak prasekolah yang akan digunapakai oleh para guru prasekolah dan ibubapa murid prasekolah .





1.11.2 Seksualiti

Seksualiti adalah perasaan atau kefahaman diri seseorang terhadap perubahan emosi dan respon fungsi biologikal, psikologikal dan sosial seksual yang bersifat multidimensi (Schmidt et al., 2015). Ini bererti seksualiti berkait rapat dengan keperluan seseorang individu untuk berkemahiran komunikatif dan memberi respon secara fizikal dan biologikal untuk disukai, diterima, dan dihargai. Seksualiti juga melibatkan perkongsian fikiran dan perasaan yang bersifat resiprokal secara psikologikal; serta perkembangan sosio-budaya dan kerohanian dari segi nilai, etika dan moral (Shariza, 2017).



1.11.3 Pendidikan Seksualiti



Definisi pendidikan seksualiti yang dinyatakan dalam (UNESCO, 2018) merujuk kepada pendidikan seumur hidup yang melibatkan proses memperolehi maklumat dan membentuk atribut, kepercayaan dan pegangan nilai seseorang. Pendidikan ini menekankan perkembangan seksual, reproduksi manusia, kesihatan, hubungan interpersonal, perasaan kasih sayang, hubungan rapat, bahasa badan dan peranan gender. Pusat Pendidikan Kesihatan Persekutuan dan Rangkaian Eropah Persekutuan Perancang Ibu Bapa Antarabangsa telah memberi perbezaan definisi antara istilah pendidikan seks dan pendidikan seksualiti. Pendidikan seksualiti adalah satu pembelajaran yang komprehensif atau holistik bermaksud "belajar mengenai aspek kognitif, emosi, sosial, interaktif dan fizikal seksualiti. Pendidikan seksualiti bermula pada awal kanak-kanak dan berkembang melalui masa remaja dan dewasa. Ini





bertujuan untuk menyokong dan melindungi perkembangan seksual. Ini secara beransur-ansur melengkapkan dan memberi kuasa kepada anak-anak dan orang muda dengan maklumat, kemahiran dan nilai positif untuk memahami dan menikmati seksualiti mereka, mempunyai hubungan yang selamat dan memuaskan dan bertanggungjawab terhadap kesihatan dan kesejahteraan seksual mereka sendiri dan orang lain (UNESCO, 2018). Manakala Gurbilek (2013) telah menyenaraikan kepada empat definisi yang menjelaskan lebih mendalam apakah pendidikan seksualiti yang sebenarnya. Pembelajaran seksualiti melibatkan perhubungan samada keluarga atau orang lain selain dari keluarga, menghormati diri sendiri dan orang lain serta memperjuangkan kepentingan dan hak seseorang. Pengajaran ini juga merangkumi pengurusan emosi dan sosial dalam kehidupan manusia kerana pendidikan seksualiti bukan hanya melibatkan aktiviti fizikal semata-mata malahan ianya merangkumi



perspektif yang lebih luas lagi.

Oleh itu, rumusan daripada kesemua definisi ini, konsep pendidikan seksualiti dalam kajian ini dilihat dari lima komponen berdasarkan kajian literatur dan pandangan pakar rekabentuk iaitu: Elemen aktiviti kesihatan fizikal dan reproduktif; Elemen aktiviti pengurusan kesihatan emosi dan sosial; Elemen aktiviti hubungan kekeluargaan; Elemen aktiviti perhubungan orang luar dan Elemen aktiviti keselamatan.



1.11.4 Pendidikan Kesihatan Seksualiti

Proses pembelajaran yang membantu meningkatkan pengetahuan, pemahaman dan kesedaran murid terhadap peranan dan gaya hidup individu sebagai ahli keluarga bagi membantu memupuk sikap dan nilai positif terhadap perkembangan seksualiti ke arah gaya hidup yang sihat dan selamat. Kesihatan seksual bukan sahaja meliputi perhubungan seksual (Sexual Health, Human Rights and the Law, 2015). Ia merupakan satu konsep yang meluas, melibatkan fizikal, mental, emosi dan sosial seseorang. Ia melibatkan badan yang sihat minda yang sihat dan cerdas, emosi yang sihat, komuniti yang sihat.

1.11.5 Tunjang Perkembangan Fizikal dan Penjagaan Kesihatan

Perkembangan fizikal merupakan perkembangan yang penting bagi seseorang individu tersebut terutama dalam kalangan kanak-kanak. Terdapat beberapa aspek penting yang diambil kira dalam tunjang perkembangan fizikal. Antaranya adalah perkembangan psikomotor halus, perkembangan psikomotor kasar, kesihatan dan keselamatan. Keempat-empat aspek ini mempunyai kelebihannya yang tersendiri iaitu dapat membantu kanak-kanak dalam aktiviti pembelajaran, membina kemahiran pergerakan asas dan kekuatan fizikal untuk melibatkan diri dalam aktiviti fizikal, mengamalkan cara hidup sihat dan selamat serta mengamalkan sikap keprihatinan kepada kesihatan anggota diri (Nogueira et al., 2014).

Dalam aspek ini perkembangan fizikal digunakan sebagai salah satu cara untuk menjaga keselamatan tubuh badan dan persekitaran serta mengamalkan pergerakan yang baik untuk keselamatan diri yang optimum.

Selain itu, perbezaan tubuh badan dan anggota genital antara kanak-kanak lelaki dan perempuan juga ditekankan di dalam modul sebagai salah satu cabang ilmu kepada biologi yang ditaksir menggunakan kaedah *Tanner stages of maturity* (Tanner, 1986) yang mentakrifkan pengukuran pertumbuhan fizikal berdasarkan ciri-ciri luaran seks utama dan sekunder.

1.11.6 Kanak-Kanak

Kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun seperti yang termaktub dalam Akta Kanak-Kanak 2001 (Alias et al., 2017). Definisi awal kanak-kanak pula ialah budak lelaki atau perempuan yang masih kecil (biasanya yang belum berusia lebih daripada 7 hingga 8 tahun). Awal kanak-kanak juga merupakan manusia yang muda, iaitu seorang yang masih belum mencapai baligh.

1.11.7 Pendidikan Kesihatan Asas Seksualiti (PEKASa) Kanak-kanak Prasekolah

Breuner dan Mattson (2016) menegaskan pendidikan seksualiti untuk kanak-kanak sepatutnya lebih berfokus kepada pengubahsuaian tingkah laku seksual. Oleh itu pendidikan seksualiti untuk golongan ini perlu mempertimbangkan konteks keperluan sebenar berdasarkan tahap kefungisian dan kemampuan kognitif kanak-kanak ini, serta makna dan fungsi pendidikan seksualiti kepada mereka (Robinson & Davies, 2017). Ini bererti pendidikan seksualiti untuk kanak-kanak prasekolah perlu dipersembahkan dengan cara yang mudah tetapi konkrit dan berfungsi, dengan penekanan lebih kepada pembinaan kemahiran dan kesihatan sosial-seksual mereka (Mamat, Nasir & Zaman, 2018). Oleh itu kajian ini melihat pendidikan seksualiti kanak-kanak prasekolah lebih kepada memupuk pembentukan imej diri yang positif, memupuk persahabatan, penjagaan kesihatan diri, kemahiran seni mempertahankan diri, berkemahiran komunikatif dan berkeyakinan dalam membuat keputusan asertif.

1.11.8 Latihan Mempertahankan Diri

Latihan mempertahankan diri berfungsi sebagai pembelaan diri terutama serangan dari binatang buas dan serangan kelompok lain. Latihan mempertahankan diri yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah latihan kanak-kanak untuk peka dengan perubahan sekeliling iaitu dengan menggunakan kemahiran kognitif dan fizikal (Bell et al., 2016). Ini bermakna pembelajaran modul Seksualiti PEKASa ini menggabungkan beberapa kemahiran dan elemen-elemen mempertahankan diri dengan menggunakan anggota fizikal mereka (Fukuda et al., 2011). Latihan mempertahankan diri adalah

termasuk di dalam kelima-lima komponen modul utama iaitu elemen aktiviti kesihatan fizikal dan reproduktif, elemen aktiviti pengurusan kesihatan emosi dan sosial, elemen aktiviti hubungan kekeluargaan, elemen aktiviti perhubungan orang luar dan elemen aktiviti keselamatan. Bagi topik yang terakhir iaitu aktiviti keselamatan di mana kanak-kanak akan didedahkan dengan pergerakan silat PEKASa yang mudah untuk dipelajari bagi mempertahankan diri sekiranya diserang.

1.12 Kesimpulan

Bab satu telah membincangkan pendahuluan, latar belakang kajian pembinaan modul Seksualiti PEKASa. Selain itu, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, rasional kajian, batasan kajian dan definisi operasi juga dibincangkan dalam bab ini sebagai pengenalan kajian.